


[TELAH DISEMAK]

Jilid I
No. 10

Rabu
6 September 1995



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN DEWAN NEGARA

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Perutusan daripada Dewan Rakyat	[Ruangan 1]
URUSAN MESYUARAT	[Ruangan 1]
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN:	[Ruangan 2]
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995	[Ruangan 19]
Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995	[Ruangan 29]
Rang Undang-undang Penjara	[Ruangan 52]

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO'ADAM BIN KADIR, D.I.M.P.
(Dilantik).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK CHONG KAH KIAT,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik).
- " DATO' ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- " TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau
Pinang).
- " TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- " TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- " DATO' CHET SINGH S/O KARAM SINGH (Pulau Pinang).
- " TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- " PUAN FARIDAH BINTI ABU HASSAN (Dilantik).
- " TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- " TUAN DING SELING (Dilantik).
- " TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- " TUAN ENG HOI CHOO (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- " TUAN HAJI GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik—
Wilayah Persekutuan).
- " WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S.
(Sarawak).
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Dilantik).
- " TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN (Dilantik).
- " DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Dilantik).
- " TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
P.P.N. (Johor).
- " TUAN ISLIM BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- " TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- " TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K.,
J.C. (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).
- " DATUK JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik).
- " PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- " PUAN KAMILIA BINTI IBRAHIM (DILANTIK).
- " TUAN KAN KOK KWAN, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- " PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- " TUAN P. KRISHNAN A/L PERMUAL (DILANTIK).
- " TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- " DATUK MAIDOM P. PANSAI @ PAUL PANSAI (DILANTIK).
- " TUAN N. MARIMUTHU A/L NADESAN, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " TUAN M. G. PANDITHAN @ NYANA PANDITHA @ GANAPANDYTHAN A/L MUTHANDUI (DILANTIK).
- " PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- " TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- " DATO' HAJI MOHD. ZUKI BIN KAMALUDDIN (Dilantik).
- " TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- " DATO' (Ir.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- " DR. NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- " TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- " TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- " TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- " TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- " TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- " PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- " TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- " DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S, J.S.M. (Dilantik)
- " TUAN TAN SON LEE (Kedah).
- " TUAN TAN SWEE HUENG (Dilantik).

Yang Berhormat DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).

- " DATO' TING CHECK SHI, D.I.M.P. (Dilantik).
- " TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S. S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- " DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- " DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- " DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- " TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- " DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).
- " TUAN M. ZEEVILL @ SHARMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

<i>Setiausaha Dewan Negara</i>	:	Haji Mohamed. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
<i>Ketua Penolong Setiausaha</i>	:	Said bin Sidik,
<i>Pmk. Ketua Penolong Setiausaha</i>	:	Abdullah bin Abdul Wahab.
<i>Penolong Setiausaha Kanan</i>	:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

<i>Pegawai Penerbitan</i>	:	Azhari bin Hamzah.
<i>Pelapor Perbahasan Parlimen</i>	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Haji Suhor bin Husin.
	:	Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
	:	Hajah Supiah binti Dewak.
	:	Hajah Kalsom binti Ghazali.
	:	Mohamed bin Osman.
	:	Norishah binti Mohd. Thani.
	:	Zaharah binti Naim.
	:	Norwahidah binti Azizi.
	:	Rozita binti Abd. Samad.
	:	Jainah binti Sakimin.
	:	Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

<i>Bentara Mesyuarat</i>	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
--------------------------	---	------------------------------------

MALAYSIA

DEWAN NEGARA**Rabu, 6hb September 1995***Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)***PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA****PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)***PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT KEPADA
DEWAN NEGARA**

“5hb September 1995.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perancangan Bandar 1995;
2. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995; dan
3. Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1995.

Yang ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN
RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perancangan Bandar 1995;
2. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995; dan
3. Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**TARIF ELEKTRIK DI
SARAWAK— MENGURANGKAN
HARGA**

1. Dato' Ting Check Sii minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tarif elektrik di Sarawak adalah lebih tinggi jika dibanding dengan Semenanjung Malaysia. Ini adalah salah satu halangan untuk menarik pelabur ke Sarawak. Memandangkan projek hidro Batang Ai telah beroperasi dan Bakun akan dibina, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan tarif elektrik di Sarawak.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Ordinan Letrik Sarawak, hal-hal tarif elektrik di negeri Sarawak adalah dalam bidang kuasa negeri Sarawak dan bukan dalam bidang kuasa kementerian saya. Namun demikian, pada kebiasaannya harga elektrik adalah berdasarkan kepada kos-kos membekal di mana faktor-faktor yang mempengaruhinya ataupun menentukannya adalah termasuk kos pembinaan dan kos pembiayaan.

Walaupun stesen jana kuasa Batang Ai telah beroperasi, namun berdasarkan gabungan penjanaan pada tahun 1994, Batang Ai membekalkan hanya 25% daripada jumlah bekalan elektrik dan yang selebihnya adalah dari gas, diesel dan bahan api ringan. Tambahan pula, nisbah keluaran hidro berbeza dari masa ke semasa bergantung kepada paras air di empangan tersebut.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang bekalan dari Projek Hidro Bakun. Sebenarnya Projek Bakun akan mula membekalkan kuasa elektrik pada tahun 2003 sahaja. Setakat ini adalah terlalu awal untuk mempertimbangkan pengkajian perubahan tarif, bukan sahaja untuk Sarawak bahkan juga untuk Semenanjung Malaysia berasaskan kepada Projek Bakun. Walau bagaimanapun, kementerian saya telah pun diberitahu bahawa pihak Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) akan mengkaji semula struktur tarifnya tidak lama lagi.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya cuma hendak bertanya, apakah pandangan daripada kementerian Yang Berhormat terhadap TNB minta naik harga semula walaupun permohonan mereka telah ditolak tidak lama sebelum ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, menurut peraturan sekarang pihak TNB dibenarkan menjalankan penyelarasan tarif tiga bulan sekali. Walau bagaimanapun, apa jua cadangan yang dikemukakan oleh pihak TNB akan diteliti oleh pihak kementerian sama ada cadangan ini adalah mengenai kenaikan ataupun penurunan tarif.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai jana kuasa. Selain daripada hidro, gas dan minyak, nampaknya kita juga ada jana kuasa yang lain misalnya arang batu.

Adakah kepelbagaian ataupun lebih banyaknya jana-kuasa ini menyebabkan kos-kos pengeluaran lebih tinggi sehingga tarifnya yang dicaj kepada consumers, dengan izin, lebih tinggi ataupun sebaliknya. Atau pun apakah rasionalnya negara kita mempunyai lebih daripada satu punca jana kuasa?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebab utama yang menyebabkan mengapa negeri Sarawak ataupun konsumer di negeri Sarawak kena membayar tarif yang lebih tinggi kalau dibandingkan dengan pengguna di Semenanjung Malaysia, saya minta izin supaya dapat memberikan satu perbandingan.

Di negeri Sarawak di mana saiznya adalah sebesar lebih kurang Semenanjung Malaysia tetapi permintaan dari seluruh negeri Sarawak adalah lebih kurang pada maksimumnya 312 megawatt sahaja kalau dibandingkan dengan permintaan di seluruh Semenanjung Malaysia, hampir 6,500 megawatt.

Justeru itu, untuk membekalkan kepada seluruh negeri Sarawak, cuma 312 megawatt sahaja. Maka harga penjanaan, penghantaran dan pembahagiannya adalah lebih tinggi kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia di mana saiznya adalah sama tetapi permintaannya begitu tinggi.

Misalan kata di Pulau Pinang sahaja, bukan negeri Pulau Pinang—Penang Island sahaja, permintaannya pada masa puncak ialah 350 megawatt. Ini telah melebihi permintaan dari negeri Sarawak. Maka, dari segi ekonominya untuk menjalankan kerja penjanaan, penghantaran dan pembahagian lebih ekonomik kalau dibandingkan dengan

negeri Sarawak. Ini merupakan faktor yang utama menerangkan mengapa bekalan atau tarif di negeri Sarawak adalah tinggi.

Walau bagaimanapun, dengan adanya beberapa projek penjanaan yang akan diadakan tidak lama lagi, pihak SESCO mengkaji semula tentang tarif yang begitu tinggi ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak kerajaan menyatakan apabila projek Bakun beroperasi nanti, berapa murahkah tarif yang akan dibiayai oleh pengguna-pengguna di Sarawak dan berapa pula tarifnya yang akan dikenakan kepada mereka di Semenanjung?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab oleh saya kerana Bakun akan mula membekalkan elektrik pada tahun 2003 sahaja. Maka, setakat ini adalah terlalu awal bagi kita untuk menyatakan tentang tarif yang akan dibekalkan oleh projek Bakun.

KONDOMINIUM/BANGUNAN MENGUNAKAN NAMA ASING—PENDIRIAN KERAJAAN

2. Tuan Shuib bin Haji Endut minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah pendirian kerajaan terhadap penggunaan nama asing yang berleluasa oleh pemaju perumahan terhadap nama bangunan dan kondominium yang didirikan. Adakah kerajaan akan terus membiar perkara ini berlaku sehingga menghilangkan identiti negara dan bangsa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang menggalakkan penggunaan nama am corak kebangsaan bagi projek-projek perumahan. Walau bagaimanapun, keputusan asas meluluskan nama sesuatu bangunan dan kondominium yang didirikan adalah terletak kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan.

Namun demikian, kementerian ini akan terus menasihatkan pihak berkuasa tempatan supaya pemaju-pemaju menggunakan nama yang bercorak kebangsaan bagi bangunan dan kondominium yang dimajukan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak kerajaan memberi tahu 'berleluasa' ini berapa banyak? Berapa taman yang menggunakan nama bangsa asing? Saya tidak begitu mengetahui, misalnya di Pahang adalah sangat kurang. Jadi, kalau boleh atau kalau tidak dapat jawab dengan lisan, bertulis pun bolehlah. *(Ketawa)*

Tuan Peter Chin Fah Kui: Minta maaf, Yang Berhormat. Saya pun tidak tahu berapa luasnya tetapi nama-nama yang diberi kepada sesuatu kondominium, bangunan atau taman itu memang diperingkat pihak berkuasa tempatan.

Oleh sebab itu, maka kita tidak ada angka atau maklumat yang terperinci mengenai nama-nama yang diberikan kepada sesuatu bangunan atau kondominium.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Dato' Zuki bertanya boleh atau tidak dengan cara tulisan, kalau balik ke pejabat ada

statistiknya. Itu yang dimaksudkan oleh Dato' Zuki.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya rasa ini pun rumit juga. Kalau kita perlu menulis kepada setiap pihak berkuasa tempatan untuk mengumpulkan angka atau maklumat ini. Kalau amat perlu, saya boleh cubalah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Kemungkinan pihak kerajaan tidak ada maklumat barangkali buat sementara ini, boleh jadi Tuan Shuib bin Endut boleh beri sebab dia yang memberi kira masalah ini. *(Ketawa)*

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasihlah kerana cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi saya beri kebenaran khas kepada Tuan Shuib menjawab sedikit. Kebenaran khas.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab bila di lantik saya sebagai Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri tolong jawablah. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Setuju atau tidak syor itu? Kalau setuju boleh tepuk meja. *(Ketawa)*

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi mengatakan kerajaan menggalakkan untuk menggunakan nama-nama tempatan terhadap nama-nama kondominium yang dibina di serata pelusuk tanah air. Adakah kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan pada masa akan datang semua nama-nama kepada kondominium atau lain-lain bangunan mestilah selaras dengan kehendak

negara kita iaitu nama-nama yang berunsurkan kebangsaan dan tempatan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Buat masa sekarang, kementerian saya tidak bercadang berbuat begini tetapi ini terpulang kepada pihak pemaju, saya rasa sebab pihak pemaju ini memang ada kebebasan untuk menamakan sesuatu projek itu kalau mereka rasa nama itu elok dan ada cukup 'fungsui', kalau kita ikut orang Cina, memanglah dia akan menggunakan nama tersebut dan saya rasa pihak kerajaan tidak juga ada munasabah kalau kita hendak wajibkan perkara-perkara ini.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana nama asing sudah mula berleluasa di Semenanjung sini untuk bangunan-bangunan kondominium, kita mintalah supaya kementerian pada masa-masa yang akan datang, ianya jangan berlaku di Sabah sebab di Sabah kita baru bermula. Kita harapkan agar nama-nama asing ini tidak akan digunakan di negeri Sabah dan sesuai dengan beberapa pandangan iaitu kita minta agar nama itu diberi dengan nama-nama tempatan ataupun yang berunsur kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Sairin, minta bertanya, pertanyaannya apa?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Pertanyaannya, kalau akan datang apabila kondominium ini ataupun apa juga bentuk perumahan yang akan dibuat di negeri Sabah, agar nama asing yang berleluasa ini tidak akan digunakan.

Soalannya, minta kementerian jangan menggunakan nama-nama asing bagi perumahan di negeri Sabah nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana dengan cadangan itu? Bukan soalan cadangan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Kita boleh setujuhlah.

PENYEBAR RISALAH MENGHINA AGAMA ISLAM/ RASUL— TINDAKAN

3. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong minta Perdana Menteri bertindak tegas terhadap penyebar risalah yang menghina agama Islam dan Nabi Muhammad s.a.w. yang kini dipercayai bergerak secara meluas di negeri-negeri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji dengan teliti golongan yang bergiat menyebarkan risalah menghina agama Islam dan Nabi Muhammad s.a.w.

Apabila terbukti dengan jelas kegiatan mereka ini dan penyebarannya dikenal pasti, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu persoalan yang amat serius mengenai agama kita. Jadi, saya meminta ataupun saya hendak bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan teragak-agak lagi untuk mengambil tindakan kepada penyebar-penyebar risalah ini ataupun adakah pihak kerajaan hendak menunggu satu laporan khas ataupun aduan daripada rakyat sendiri? Adakah kerajaan sekarang ini menunggu ataupun telah mengambil tindakan kepada yang berkenaan?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah menghina agama Islam dan Nabi Muhammad s.a.w. ini banyak aspek. Di antaranya yang menghina agama Islam ialah penyelewengan-penyelewengan agama. Di antara yang kita ambil tindakan ialah Al-Arqam yang mengikuti ajaran Aurad Muhammadiyah dan banyak lagi di antara buku-buku risalah yang kerajaan telah haramkan.

Di antara buku ialah 'Bacaan'. Kita kata karangan Osman Ali juga diharamkan dan juga buku tulisan Kassim Ahmad—'Hadis: Satu Penilaian Semula' juga telah diharamkan. Bahkan kerajaan telah mengharamkan buku-buku atau risalah ini sebanyak 16 buah dan banyak lagi buku-buku lain sedang dikaji dan sekiranya menyeleweng mengikut ajaran Islam, kerajaan juga akan mengharamkan buku ini.

Contohnya, buku "*Hadis: Satu Penilaian Semula*" karangan Kassim Ahmad, ini amat bertentangan. Dia mengatakan bahawa "Hadis atau sunnah Nabi suatu ajaran palsu yang muncul antara 200 hingga 250 tahun kemudian dan yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad." Itu ada di dalam halaman 18.

Begitu juga buku karangan Rashad Khaliffa— "*The Computer Speaks God's Message To The World*" (Hal 507). Yang ini terang-terang dia mengatakan, dengan izin,

"Hadith and sunnah are false doctrines and that, we shall uphold Quran, the whole Quran and nothing, but the Quran".

Ini maknanya dia menafikan langsung hadis. Dia tidak perlu kepada yang lain, hanya kepada Quran sahaja. Ini ada di dalam firman Allah, Ayat 38, Surah Al-An 'aam yang berbunyi (*Sambil membaca sepotong ayat Al-Quran*). Ertinya: "Kami tidak meninggalkan dalam Kitab suatu jua pun".

Ada tafsir mengatakan fil-Kitab ini ialah Quran. Jadi, kalau dia berasaskan kepada fil-Kitab itu, ertinya kita hanya berpegang kepada Quran dan tidak perlu kepada yang lain. Tetapi ahli tafsir yang muktabar mengatakan "fil-Kitab" dalam ayat itu ialah luhmahfuz, ertinya yang tertulis di luhmahfuz. Jadi, apabila mereka berpegang dan mengatakan "fil-Kitab" di dalam ayat hanya Quran, dengan sebab itulah mereka menafikan hadis. Apabila kita menafikan hadis, bererti ini juga satu ajaran yang tidak betul. Jadi, itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa pengharaman buku-buku yang telah disebutkan oleh yang Berhormat tadi adalah merupakan satu tindakan yang tidak mencukupi kerana masih terdapat buku-buku yang diharamkan itu disebar dan ini adalah perkara yang serius. Jadi, adakah benar bahawa hukuman pengharaman itu adalah merupakan hukuman yang tidak tepat kerana pesalahnya ialah penulis dan penulis itu masih lagi tidak dihukum dan hukuman yang dikenakan pula tidak dapat menepati maksud ataupun tujuan hukuman itu dilaksanakan?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:

Di antara tindakan kita ialah mengharamkan buku dan risalah yang menyeleweng dengan kehendak Islam. Tindakan lain juga, kita telah

mengambil tindakan kepada pengikut-pengikutnya dan tidak mustahil kita akan mengambil tindakan kepada penulis-penulis buku yang berkenaan. Ini adalah dalam tindakan kerajaan.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan, apakah perbezaan menghina dengan penyalahgunaan agama Islam dan apakah penyalahgunaan agama itu tidak menghina Islam, kalaulah dilakukan oleh parti-parti politik tertentu yang menyalahgunakan Islam. Apakah peruntukan yang boleh diambil dan apakah tindakan yang sewajarnya oleh kerajaan kepada penyalahgunaan Islam?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, menghina dan penyalahgunaan Islam, kedua-duanya ini adik-beradik kembar, ertinya sama. Apabila kita menyalahgunakan Islam, bererti kita menghina Islam. Apabila kita menghina Islam, kita juga menyalahgunakan Islam.

Tindakan kepada parti ini, kita hanya memberitahu kepada orang ramai bahawa di antara perkara yang mereka bawa itu bagi tujuan parti politik mereka adalah tidak benar. Dengan sebab itu, kita perlu menafikan apa yang mereka kata itu supaya orang lain tahu. Inilah tindakan yang kerajaan buat sekarang, tetapi ke atas parti politik ini, kita masih belum mengambil apa-apa tindakan sama ada kita hendak mengharamkan nama parti itu yang bernama Islam ataupun bagaimana.

BEKALAN SIMEN—LANGKAH MENGATASI

4. Tuan Haji Othman bin Yunus minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat manakah seriusnya kekurangan bekalan simen di negara ini dan adakah kekurangan bekalan ini akan menjejaskan industri pembinaan rumah.

28. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah kementerian sudah menyiapkan draf bagi mengatasi masalah kekurangan simen pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sekali gus dengan soalan Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail pada hari ini kerana soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama, iaitu kekurangan bekalan simen.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor berapa itu? No.28?

Dato' S. Subramaniam: No. 28

Tuan Yyang di-Pertua: Sila

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa masalah kekurangan simen adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan yang banyak ke atas simen akibat pertumbuhan pesat ekonomi negara khususnya sektor pembinaan, sedangkan tahap kapasiti pengeluaran kilang tempatan masih rendah.

Kementerian menganggarkan bahawa permintaan simen bagi tahun 1995 di Semenanjung meningkat sebanyak 14%, iaitu 10.18 juta tan berbanding dengan 8.93 juta tan dalam

tahun 1994. Jika dibandingkan dengan tahap kapasiti pengeluaran maksimum industri simen, sebanyak 9.96 juta tan, bermakna terdapat kekurangan bekalan sebanyak 220,000 tan dalam tahun 1995.

Kementerian menjangkakan masalah kekurangan ini akan terus dihadapi di tahun 1996 dan 1997 jika kadar permintaan terus kekal pada paras 14% setahun dan tidak ada pertambahan kapasiti pengeluaran klinker.

Bagi tahun 1996, jumlah kekurangan dianggarkan 60,000 tan dan 1997 sebanyak 1.69 juta tan. Walau bagaimanapun, kekurangan ini dijangka dapat diminimumkan apabila kilang baru Kedah Cement dengan kapasiti 1.8 juta tan setahun beroperasi sepenuhnya awal tahun 1996.

Setakat ini, Pahang Cement Sdn. Bhd. Negeri Sembilan Cement Industry Sdn. Bhd. dan Associated Pan Malayan Cement Sdn. Bhd. telah pun mengesahkan akan memulakan projek-projek baru kilang simen mulai akhir tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun hadapan dan dijangka memulakan pengeluaran pada tahun 1998. Dengan pertambahan kapasiti 4.2 juta tan daripada kilang-kilang baru ini, maka dianggarkan bekalan simen dalam negeri adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan telah mengambil beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk menangani masalah bekalan simen bagi memastikan bekalan simen dalam negeri mencukupi.

Langkah-langkah jangka pendek yang telah dan sedang diambil untuk menambah bekalan simen ialah:

- (i) menggalakkan pengimportan di mana tiada sekatan dan tarif dikenakan, dengan syarat simen import hendaklah menepati kualiti simen tempatan;
- (ii) semua agensi kerajaan diminta memberi kerjasama bagi membantu pengimport-peng-import membawa masuk simen dengan mudah;
- (iii) menentukan kuota pembahagian dan pengedaran simen bagi setiap negeri dan menghendaki semua transaksi simen di semua peringkat membuat pernyataan jualan supaya pembahagian simen ke seluruh negeri lebih adil; dan
- (iv) menjalankan siasatan ke atas premis-premis bagi membanteras penyorokan, kegiatan peniaga-peniaga tanpa lesen dan sebagainya.

Antara langkah-langkah jangka panjang pula ialah memberi galakan kepada pengeluar-pengeluar tempatan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran atau membuka kilang-kilang baru. Kerajaan telah meluluskan elaun cukai pelaburan kepada semua pengilang yang ingin membuat pembesaran kapasiti dan pelabur yang ingin membuka kilang baru. Kerajaan juga telah menaikkan harga simen sebanyak 10% bagi menggalakkan pengimportan dan ini juga merupakan insentif tambahan yang penting kepada pengeluar tempatan meningkatkan pengeluaran

Dato' (Ir.) Ng Thian Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mengikut jawapan Timbalan Menteri bahawa masalah simen ini akan berterusan sekurang-kurangnya sampai tahun 1996. Apa yang saya difahamkan bahawa orang atau peniaga yang menghadapi masalah yang terbesar ialah kontraktor-kontraktor kecil atau pemaju-pemaju kecil. Soalan saya ialah siapa atau mana satu badan yang boleh menolong kontraktor-kontraktor itu atau pemaju-pemaju kecil itu untuk mendapatkan simen dengan harga yang rasmi?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan bahawa berapa banyak simen yang telah dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar negara dan sehingga itu, simen-simen itu dibekalkan oleh pengeluar-pengeluar kepada kontraktor-kontraktor besar dan kecil. Kontraktor-kontraktor atau pemaju-pemaju dan lain-lain pihak yang membeli simen dengan kontrak jangka panjang daripada pengeluar-pengeluar tidak menghadapi masalah. Tetapi pihak-pihak lain yang tidak ada kontrak jangka masa panjang, oleh kerana kekurangan maka mereka tidak dapat bekalan ini. Kita telah minta pihak pengeluar-pengeluar membantu peniaga-peniaga atau kontraktor-kontraktor kecil dan pihak-pihak yang berkenaan boleh melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kita setakat yang boleh akan membantu pihak-pihak ini untuk mendapatkan simen. Tetapi oleh kerana kekurangan mungkin ini akan mengambil masa dan mereka tidak akan dapat bekalan itu dalam jangka masa yang diminta oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memang jelas dan di sini saya ada satu masalah untuk dikemukakan. Macam manakah cara dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk memberi jaminan dan keyakinan kepada sektor pembinaan dan orang awam bahawa simen-simen yang diimport dari luar negeri itu memang berkualiti baik?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sedang dan akan terus menggalakkan pengimport-pengimport simen untuk meneruskan perusahaan mereka supaya kekurangan itu dapat diatasi. Tetapi setiap pengimport simen perlu ditafsirkan bahawa ianya adalah setaraf dengan kualiti yang dibenarkan oleh pihak kerajaan. Simen itu perlu diperiksa atau ditafsirkan oleh pihak SIRIM dan kalau kualiti simen itu bersamaan dengan kualiti simen tempatan iaitu MS522/89 atau DS12/78 barulah simen itu akan dibenarkan.

Maka, saya fikir pengimportan simen yang tidak berkualiti tidak akan dibenarkan.

PELABUR ASING DI SABAH— JUMLAH

5. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah pelabur asing yang telah mendapat kelulusan untuk melabur di Sabah dan berapakah yang sudah beroperasi dan apakah langkah-langkah seterusnya Kerajaan Persekutuan untuk membantu mempertingkatkan lagi pertumbuhan industri di negeri tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1986 hingga Julai 1995, MITI telah meluluskan 187 projek dengan jumlah pelaburan asing bernilai RM1,927.4 juta untuk ditempatkan di negeri Sabah. Sehingga 31hb Disember, 1994 sebanyak 99 projek telah beroperasi dengan nilai pelaburan asing berjumlah RM556.7 juta.

Untuk meningkatkan lagi pertumbuhan industri di negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan satu pakej insentif khusus bagi menggalakkan industri ditempatkan di koridor pantai timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pakej insentif khas ini mengandungi pelepasan cukai sebanyak 85% daripada pendapatan berkanun selama 5 tahun atau elaun cukai pelaburan pada kadar 80% ke atas perbelanjaan modal yang diluluskan. Elaun infrastruktur sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang terlibat, pengecualian duti import sepenuhnya untuk selama 5 tahun ke atas bahan-bahan mentah dan komponen-komponen dan galakan pusingan kali kedua bagi taraf perintis atau elaun cukai pelaburan.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, tadi diberitahu bahawa kawasan Pantai Timur itu termasuk Kelantan diberi elaun sejumlah 85%. Saya ingin tahu daripada kementerian, apakah pelaburan berlaku di Kelantan walaupun galakan diberi, pelepasan sehingga 85% dan usaha-usaha pelaburan yang dibuat oleh kerajaan negeri setakat ini. Kalau ada berapa jumlahnya? Kalau boleh beritahu.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak lari daripada soalan asal. Tetapi dari segi angka yang diminta mengenai insentif taraf perintis, negeri Kelantan adalah negeri yang paling rendah di antara negeri-negeri daripada koridor Pantai Timur.

Sabah membuat 7 permohonan berjumlah RM51,650,000 kalau dibandingkan dengan Kelantan hanya 1 permohonan berjumlah RM2,100,000 pelaburan. Ingin saya tegaskan di sini bahawa mungkin iklim pelaburan, suasana pelaburan dan kestabilan politik di Kelantan agak berbeza dengan keadaan di negeri-negeri yang lain.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebanyak 99 jenis pelaburan yang telah beroperasi. Saya ingin tahu daripada kementerian, apakah jenis pelaburan ataupun industri yang paling popular yang telah dilaburkan di negeri Sabah?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, daripada peratusan yang saya perolehi mengenai projek-projek yang telah diluluskan di negeri Sabah, yang paling popular ialah kayu dan barang-barang kayu berjumlah 131 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1,531,986.49.

Keduanya, pengilangan makanan iaitu 19 projek dengan jumlah pelaburan asing sebanyak RM107,885,500 dan ketiga, kimia dan barang-barang kimia berjumlah 16 projek dengan jumlah pelaburan RM90,915,000 dari pelaburan asing.

**PELARIAN VIETNAM—
PENYELESAIAN SECARA
DIPLOMATIK**

6. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah kementerian mencuba cara diplomatik supaya Vietnam memberi kemudahan dan insentif yang cukup untuk menerima pelarian Vietnam yang masih enggan balik ke tanah air mereka; dan
- (b) apa hasil yang diperolehi mahupun negara kita juga di rantau ini sejak negara kita mempersetujui Vietnam menyertai Pertubuhan ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah pendatang haram Vietnam, Malaysia, Vietnam dan UNHCR telah menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Prinsip-prinsip dan Peraturan-peraturan Penghantaran Pulang Pendatang Haram Vietnam dari negara kita Malaysia pada 24 Januari 1995 di Kuala Lumpur. Dalam Memorandum Persefahaman tersebut, Vietnam bersetuju menerima balik pendatang haram Vietnam melalui pelaksanaan Orderly Repatriation Programme atau ORP. Program ini adalah di antara kaedah-kaedah lain yang dipersetujui dan sedang dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak seperti Voluntary

Repatriation Programme ataupun VOLREP.

Malaysia telah mencadangkan kepada Vietnam supaya satu mesyuarat diadakan bagi membincangkan secara teliti pelaksanaan Program Orderly Repatriation bertujuan untuk kita mempercepatkan lagi penghantaran pulang pendatang-pendatang haram Vietnam ini ke negara asal mereka dan mesyuarat ini akan diadakan secepat mungkin.

Sementara itu, Malaysia telah berjaya meyakinkan pihak Vietnam untuk menghantar pegawai-pegawai bagi menerangkan perubahan-perubahan politik dan ekonomi khususnya mengenai peningkatan taraf hidup yang berlaku dalam Vietnam kepada pendatang haram Vietnam ini yang masih berada di Malaysia. Kerajaan Vietnam juga telah memberi jaminan kepada kita bahawa pendatang-pendatang haram Vietnam yang pulang ke negara mereka tidak akan ditangkap dan dihukum oleh pihak berkuasa Vietnam.

- (b) Penyertaan Vietnam dalam ASEAN mendatangkan faedah yang besar kepada ASEAN termasuk negara kita dari segi ekonomi dan politik. Dari segi politik, keahlian Vietnam menjadikan ASEAN lebih berpengaruh dan berkuasa dalam politik antarabangsa khususnya mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan ASEAN di rantau Asia Pasifik. Keahlian Vietnam

juga telah menyumbangkan ke arah usaha kita mengukuhkan lagi kestabilan dan keselamatan dalam ASEAN dan juga di rantau Asia Tenggara. Dari segi ekonomi pula, Vietnam menawarkan pasaran yang besar kepada barangan eksport Malaysia. Penyertaan Vietnam dalam ASEAN Free Trade Area (AFTA) akan meningkatkan lagi perdagangan antara negara-negara ASEAN. Proses pembangunan yang sedang berlaku di Vietnam memerlukan pelaburan dan juga barangan import dari luar. Ini semua memberi peluang kepada negara kita Malaysia untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan Vietnam dan juga peluang pelaburan di dalam negeri Vietnam. Malaysia kini merupakan negara yang ketujuh besarnya yang melabur dalam Vietnam dengan jumlah pelaburan sebanyak 665 juta dollar.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dimaklumkan bahawa pendedahan pendatang haram yang telah kembali ke negara tidak akan diambil tindakan oleh pihak Vietnam. Saya ingin tahu mereka yang masih berada di tanah air kita, kalaulah mereka ini tidak mahu balik, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan dan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh UNHCR terhadap mereka ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak dapat mencadangkan tindakan-tindakan kerana usaha-usaha adalah menunjukkan bahawa rundingan secara damai

ini, perbincangan dua hala di antara kerajaan Vietnam dan juga kerajaan kita nampaknya kita mungkin akan dapat menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin kerana kerjasama, khususnya kerjasama dari kerajaan Vietnam untuk memberi penerangan dan meyakinkan pendatang haram ini untuk kembali semula dan juga kemudahan-kemudahan yang telah dijamin disediakan oleh pihak UNHCR dan kerajaan Vietnam untuk mempercepatkan pengubahsuaian mereka ini apabila mereka balik semula ke Vietnam.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kem Sungai Besi itu pagarnya semakin tinggi dan berduri. Ini bermakna masalah keras kepala dan hardcore ini masih ada lagi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa setakat ini berapa orang hardcore yang masih tidak memberi kerjasama, yang masih keras kepala, yang masih ada di dalam kem Sungai Besi. Apakah tindakan keras daripada pihak kerajaan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini sebenarnya saya tidak ada angka berapa orang yang keras kepala atau tidak kerana perkara ini dalam perundingan. Saya ingin menyatakan di sini memang usaha-usaha untuk mencari penyelesaian sedang dijalankan dan kita mengharapkan dengan usaha-usaha, kita tidak dipaksa untuk mengambil tindakan yang keras.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini penghantaran pulang pendatang-pendatang haram Vietnam di Kem Sungai Besi telah pun menimbulkan rusuhan. Dulu pun semasa pendatang

haram ini tinggal di Pulau Bidong, mereka juga dihantar pulang tetapi tidak menimbulkan sebarang rusuhan. Jadi, apakah kementerian ataupun kerajaan tidak terfikir oleh kerana pendatang haram ini diletakkan di Kem Sungai Besi dan terdedah kepada kemewahan negara, jadi mereka ini enggan pulang. Jadi, apakah kerajaan tidak bercadang untuk memindahkan pendatang-pendatang haram ini ke tempat yang tersembunyi, khasnya untuk masa-masa akan datang kalau ada lagi pendatang haram.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi satu-satu sebab mungkin nampaknya yang menarik kepada pendatang haram ini. Tetapi sebenarnya, ini adalah satu daripada masalah yang kita hadapi kalaulah kita memindahkan mereka lagi atas sebab yang seperti itu. Tetapi kita berharaplah perkara ini dapat diselesaikan.

Sebenarnya, banyak sebab dan faktor-faktor yang kebanyakannya ialah mungkin kurang kefahaman oleh mereka ini dalam pengendalian menghantar balik mereka ini yang telah memberikan salah faham dan rusuhan di antara mereka.

LESEN BURSA OPSYEN— JUMLAH PERMOHONAN

7. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah permohonan yang diterima oleh pihak kementerian untuk mendapatkan lesen Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE); dan

- (b) bilakah KLOFFE akan beroperasi dan adakah kerajaan bercadang meminda Akta Industri Hadapan 1992 bagi memastikan 'forward dan short selling' bukan merupakan satu ke-salahan perdagangan seperti sekarang bagi diselaraskan dengan operasi KLOFFE.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 81 permohonan telah pun diterima untuk menjadi ahli Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE). Proses pemberian lesen sedang diuruskan oleh Kementerian Kewangan.
- (b) KLOFFE dijangka mula beroperasi pada November 1995 ini. Rang Undang-undang bagi meminda beberapa peruntukan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 telah pun dibentang dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 4hb September 1995. Rang Undang-undang itu seterusnya akan dibentangkan di Dewan ini dalam sesi ini juga. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu termasuklah peruntukan berkaitan dengan jualan singkat atau dengan izin, short selling, iaitu bagi memberi penjelasan bahawa dagangan kontrak niaga hadapan dan penjualan sekuriti secara short selling di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan bukanlah kesalahan lagi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Tuan Yang di-Pertua, perdagangan hadapan atau forward pada masa ini bukanlah merupakan suatu kesalahan perdagangan. Cadangan pindaan ke atas Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang akan dibentangkan di Dewan ini nanti menjelaskan bahawa perdagangan dan forward akan memerlukan kelulusan dari kerajaan serta dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Bagaimanapun, peruntukan ini tidak termasuk forward kadar faedah dan matawang dan tukar menukar atau dengan izin, swaps kadar faedah dan matawang yang telah pun diluluskan oleh Bank Negara di mana institusi kewangan berlesen adalah merupakan salah satu daripada pihak di dalam kontrak itu.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, apabila Rang Undang-undang Sekuriti ini dipinda, maka shortselling bukan lagi menjadi satu kesalahan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kerana masalah shortselling yang dianggap selama ini salah dari segi undang-undang menyebabkan pasaran saham di Kuala Lumpur begitu muram? Sebab dalam masa beberapa minggu kebelakangan ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak projek raksasa diumumkan termasuk Putra Jaya dan berbagai-bagai projek besar, tetapi nampaknya pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur makin menurun. Saya tidak main saham. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yakah?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: I don't have any interest, Tuan Yang di-Pertua, saya cakap orang Putih. *(Ketawa)* Saya tidak pernah main saham, cuma saya dengar orang bercakap, sebab macam-macam kenyataan dibuat tetapi pasaran saham tetap murah, seolah-olah public atau masyarakat sudah tidak percaya mengenai dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pihak kerajaan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi soalan tadi kekal ya?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Soalan itu sudah masuk tadi. . . . *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Ini ulasan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ulasan dan soalan, semua ada di dalamnya itu. *(Ketawa)* Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, tidak mengikuti dengan kritikal *(Ketawa)* kalau Tuan Yang di-Pertua ikut, sudah lama masuk itu. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, ada satu soalan. . . .

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: . . . selepas itu penjelasan. Soalnya adakah kerana tidak ada shortselling itu, maka keadaan pasaran muram?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, pandai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan pandai. *(Ketawa)*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, soalan saya apakah kerana halangan-halangan ini yang menyebabkan pasaran saham tidak begitu baik dari segi prestasi di Bursa Saham Kuala Lumpur dalam masa beberapa hari ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya faham soalan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan dia 'selalu masuk'.

Tuan Yang di-Pertua, kemuraman (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Dia memang 'selalu masuk' (*Ketawa*) Sila jawab.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kemuraman harga ataupun penurunan harga di pasaran KLSE bukanlah disebabkan oleh ketiadaan kemudahan shortselling. Memang ketiadaan kemudahan shortselling wujud disebabkan oleh pengharaman di dalam Security Industries Act, tetapi dengan adanya pindaan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan atau FIA, kita akan membenarkan shortselling, iaitu di bawah seksyen 101 di dalam pindaan ini.

Kemuraman harga di KLSE adalah disebabkan banyak faktor, satu daripada faktornya ialah mengenai spekulasi, mengenai kenaikan interest. Ada lagi mengenai apa yang dianggap oleh peniaga-peniaga luar sebagai penghakisan kepada fundamentals negara kita.

Yang sebenarnya tidak betul, kerana satu daripada sebab-sebab yang pihak pasaran menggunakan ialah bahawa defisit akaun semasa (current account deficit) sedang terhakis, tetapi ingin saya nyatakan di sini walaupun defisit akaun semasa kita di dalam imbalan pembayaran terhakis, tetapi kita mempunyai basic balance yang masih lagi positif, iaitu imbalan "balance" dan kemasukkan modal ke dalam pasaran baik dari sumber domestik mahupun sumber luar negara mengatasi pengaliran keluar daripada sistem ekonomi kita.

Jadi, inilah berita-berita yang menakutkan orang-orang luar atau pelabur-pelabur, tetapi ingin saya tegaskan lagi ketegasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa kerajaan selalu meneliti dan mengawasi aspek-aspek penghakisan fundamental economy negara dan pasaran tidak perlu bimbang tentang hal ini dan kita harap apabila mengetahui realiti ataupun kedudukan sebenarnya harganya akan naik balik.

Saya ingin menasihatkan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kalau hendak beli saham, belilah sekarang kerana harganya murah. (*Ketawa*)

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sejauhmanakah keyakinan pihak kerajaan berkenaan dengan kemantapan dan juga kematangan Bursa Saham Kuala Lumpur yang ada sekarang untuk pihak kerajaan mengeluarkan sistem pelaburan cara baru kepada pasaran di sekitar kawasan kita ini. Apakah persediaan yang dibuat oleh kerajaan bagi mendedahkan masyarakat pelabur di Malaysia kepada instrumen baru ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau saya fahamkan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman tadi, sistem pelaburan cara baru itu adakah dimaksudkan sistem pelaburan forward option swapkah ini?

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman tadi, saya ingin

menyatakan bahawa badan yang akan menjalankan sistem baru ini bukan KLSE, ianya akan dijalankan oleh KLOFFE dan MME iaitu KL Option and Futures Exchange dan juga Malaysia Monetary Exchange dan ianya akan dikawal oleh Suruhanjaya Sekuriti, bukan KLSE. KLSE hanya dari segi stock exchange. Dalam pada itu, kita mewujudkan satu lagi pusat penjelasan ataupun clearing house yang baru, yang akan memastikan bahawa kemantapan dua-dua exchange ini adalah tinggi.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan adanya pindaan kepada FIA dan juga Akta Suruhanjaya Sekuriti ini banyak kuasa-kuasa yang diberi untuk mengawal dan mengawasi, khususnya kuasa Menteri, kuasa Suruhanjaya Sekuriti yang akan meneliti dan mengawasi dengan cukup halus di dalam usaha pengurusan risiko di bawah KLOFFE dan MME tadi. Kemantapannya tidak perlu dipersoalkan kerana pihak Suruhanjaya Sekuriti telah mengkaji soal-soal dalam negeri dan luar negeri termasuk kesilapan-kesilapan yang dibuat di bawah peristiwa Barings di Singapura, peristiwa Orange County di Amerika dan lain-lain peristiwa yang merugikan di dalam futures exchange and forward ini.

FELCRA DI PUSAT PENGUMPULAN ORANG ASLI— MENINGKATKAN PENDAPATAN

8. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa projek-projek pertanian FELCRA (tanaman getah) di Pusat-pusat Pengumpulan Orang Asli (RPS) kurang berjaya meningkat-

kan pendapatan ekonomi masyarakat itu. Di RPS Beta Pahang, peserta dibayar RM50/—sebulan satu keluarga. Di RPS Kuala Betis-Gua Musang peserta menerima RM27.80 sen setahun satu keluarga dan apakah kerangka perancangan KPLB untuk memastikan bahawa hasil projek pertanian FELCRA itu dapat meningkatkan pendapatan ekonomi peserta dan mengeluarkan mereka daripada kongkongan kemiskinan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua. RPS Betau Pahang dan RPS Kuala Betis, Kelantan ialah Program Rancangan Pengumpulan Semula Masyarakat Orang Asli yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Peranan yang dimainkan oleh FELCRA di dalam kedua-dua RPS ini ialah sebagai pemaju tanah pertanian secara komersil. Projek FELCRA/RPS Betau seluas 825 hektar telah dimajukan pada tahun 1985 dan bilangan pesertanya 365 orang. Manakala Projek FELCRA/PRS Kuala Betis seluas 575 hektar dimajukan pada tahun 1982 dan bilangan peserta seramai 228 orang.

Projek-projek pertanian ini telah menghasilkan dua sumber pendapatan kepada peserta iaitu dalam bentuk pulangan dividen dan upah kerja yang terdiri daripada kerja-kerja am dan penorehan.

Pada tahun 1994 jumlah pendapatan bulanan sekeluarga peserta RPS Kuala Betis ialah di antara RM440-RM500. Ianya terdiri daripada dividen RM90 dan upah kerja di antara RM350-RM400.

Bagi Projek FELCRA/RPS Batau, pendapatan bulanan peserta ialah di antara RM230—RM330.

FELCRA dari semasa ke semasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan ladang dengan menerapkan teknologi pengeluaran hasil terkini supaya masyarakat peserta dapat menikmati lebihan pendapatan projek yang tinggi. Selain daripada itu pentadbiran FELCRA akan terus menyediakan peluang-peluang pekerjaan di sektor perladangan dan menggalakkan peserta bekerja sepenuh masa supaya sumber pendapatan mereka dapat dipertingkatkan.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya saya kurang puas hati dengan penjelasan yang diberi oleh pihak kementerian. Angka-angka yang saya perolehi ini adalah hasil kajian saya sendiri di kawasan yang berkenaan. Berkaitan dengan pendapatan ini jelas di RPS Batau, Pahang, saya sendiri telah masuk ke kawasan tersebut dan pendapatan peserta ialah RM50 sebulan. Begitu juga di Kuala Betis, Kelantan pendapatan peserta ialah setahun RM27.80.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan. Di Kuala Betis ini ialah pendapatan setahun. Mengenai tenaga kerja dalam rancangan berkenaan, tidak terdapat tenaga kerja buruh Orang Asli di kawasan berkenaan. Jadi, di mana kesalahan teknikalnya saya tidak tahu. Seperti dijelaskan tadi kita dapati bahawasanya tenaga-tenaga buruh itu terdiri daripada bukan peserta.

Soalan saya ialah, saya minta pihak kementerian meninjau semula atau mengkaji semula dan mendapatkan angka yang tepat. Kalau boleh jangan

mendengar khabar (feedback) daripada mana-mana pihak tertentu tetapi membuat kajian yang terperinci. Angka ini adalah angka yang saya perolehi sendiri daripada kawasan-kawasan yang berkenaan. Soalan saya ialah saya minta pihak kementerian mengkaji semula, jika tidak terdapat tenaga kerja di dalam itu maka hendaklah melibatkan tenaga kerja daripada penduduk tempatan bagi kepentingan meningkatkan pendapatan ekonomi penduduk-penduduk setempat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi soalnya, bolehkah kementerian mengkaji semula angka tersebut.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Ya.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat juga jangan mendengar khabar angin sahaja kerana jawapan yang saya buat ini adalah didapati dari akaun yang telah dibayar kepada peserta-peserta. Untuk menyenangkan hati Yang Berhormat, saya menjemput Yang Berhormat datang ke pejabat untuk melihat butiran-butiran tertentu supaya kita tahu siapakah yang mendengar khabar angin.

Mengenai soalan yang kedua mengenai tenaga kerja, memang tenaga kerja ini adalah satu masalah yang dihadapi di RPS ini kerana telah didapati banyak peserta tidak berminat untuk bekerja sepenuh masa. Kadang-kadang mereka bekerja hanya 15 hari dan sebagainya. Jadi, kalau supply pekerja ini tidak menentu maka urusan ladang kita akan menjadi satu masalah. Jadi, untuk mengatasi masalah inilah maka FELCRA terpaksa mengambil buruh dari luar. Tetapi kalau Yang Berhormat dapat membantu FELCRA

untuk menentukan Orang Asli dan peserta bersedia berkerja sepenuh masa saya rasa peluang ini memang diberi kepada mereka.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hah! Bila jadi wakil Orang Asli ini? (*Ketawa*) Baiklah Datuk Ibrahim. Ini fasal menghadapi masalah di Gua Musang agaknya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya soalan. Ini bukan khabar angin. Memang benar kata Tuan Yang di-Pertua baru ini saya ke Kuala Betis tempat Orang-orang Asli di waktu pilihanraya kecil Parlimen Gua Musang. Soal berapa pendapatan mereka ini ianya terlalu umum, ada yang RM200, ada RM300 dan ada yang RM27. Jadi, Orang-orang Asli ini pun sekarang ini memang ada kesedaran untuk meningkat taraf hidup mereka. Kalau mereka itu sudah senang sebagaimana dikatakan RM400 sebulan sebagaimana jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, perkara ini tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, hari itu saya tanya Orang Asli, "Macam mana hidup sekarang?" Orang Asli cakap, "Banyak teruk".

Tuan Yang di-Pertua: Dia cakap macam itukah?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, di Kuala Betis dia kata, "Banyak teruk".

Tuan Yang di-Pertua: Bukan pelat Kelantan?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Baik sedikit daripada pelat Kelantan. (*Ketawa*) Dia kata, "Banyak teruk". Saya kata, "Apa ini, tidak terima kasih

kepada Kerajaan Pusatkah? Ini FELCRA sudah masuk, macam-macam rancangan ada". "Mana bisa cukup", dia kata. "Belum cukup makan", Saya kata, "Apa! Mahu makan kapal terbangkah?" Dia pun jawab, "Mana bisa kapal terbang. Itu besi". Saya pun kata, "Kapal selam mahu?". "Sedap", dia kata. (*Ketawa*) Itu Orang Asli cakap.

Jadi, saya hendak beritahu Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita harap kepada rancangan pembangunan FELCRA semata-mata mungkin tahap pendapatan mereka akan terhad. Saya hendak bertanya adakah Kementerian mempunyai lain-lain rancangan "down stream activities", maknanya FELCRA bukan sahaja bergantung kepada bidang perancangan peladangan tetapi juga dalam hutan belantara ini ada macam-macam. Kalau FELCRA boleh tolong bantu supaya mereka melibatkan diri dalam kerja-kerja lain sama seperti menjual akar kayu—banyak Tongkat Ali—saya dapat bawa balik bermacam-macam jenis baru-baru ini. Kalau hendak boleh jumpa saya, macam-macam akar kayu yang berkhasiat. Semua ini boleh membantu dari segi. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana boleh pergi ke Tongkat Ali pula ini? (*Ketawa*)

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak beritahu dalam hutan tempat Orang Asli duduk, selain daripada projek-projek perladangan kalau difikirkan lain-lain kegiatan, macam sekarang ini projek nelayan, kita membantu meningkatkan taraf hidup nelayan bukan setakat mereka menangkap ikan tetapi kegiatan-kegiatan sampingan boleh membantu mereka. Jadi, FELCRA patut memikir ke arah itu selain daripada menumpu

kepada satu bidang aktiviti bagi menambahkan pendapatan mereka. Jadi, soal khabar angin, tak khabar angin itu tidak timbul sebab saya percaya Yang Berhormat Tuan Itam bangkitkan tadi berdasarkan kepada 'feedback'. Kalau saya hendak buka lagi macam-macam ceritalah cuma pokok-pangkalnya kementerian Yang Berhormat kena banyak buat kerja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Summary soalan itu apa?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Itulah soalnya! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Tuan Douglas Uggah Embas: Oleh kerana Yang Berhormat adalah bekas Setiausaha Parlimen di Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga, (*Ketawa*) jadi dia fasih dan dia tahu apa yang di. . .

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk penge-tahuan yang Berhormat dua bulan sahaja, tidak sempat buat kerja. (*Ketawa*)

Tuan Douglas Uggah Embas: Kalau beli saham dia kena 'insider information'. Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara, satu mengenai pen-dapatan tadi. Memang angka yang saya beri adalah umum, mungkin ada dua, tiga orang yang tidak mendapat pendapatan yang seperti itu. Itu saya tidak nafikan.

Mengenai perkara yang kedua, memang betul kementerian sedar bahawa cara hanya dengan mengadakan tanaman seperti getah ini tidak mencukupi untuk menentukan mereka dapat meningkatkan pendapatan mereka sejajar pendapatan rakyat Malaysia yang lain. Oleh yang demikian maka kementerian memang

mempunyai banyak program di bawah Program Kemiskinan. Program Pembangunan Insan dan sebagainya yang akan disalurkan kepada rakyat termiskin termasuk kepada Orang Asli. Saya tidak dapat menyenaraikan berbagai-bagai projek yang akan dijalankan tetapi memang sudah ada rancangan dari kementerian.

Tuan yang di-Pertua: Ahli-ahli yang Berhormat, sekian pertayaan-pertanyaan bagi jawab mulut yang telah dijawab.

(*Masa untuk Pertanyaan bag Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.9 hingga 54 akan dijilid dalam buku berasingan*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PUTRAJAYA 1995

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (*5hb September, 1995*)

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rahim Baba sudah habis berucap semalam bukan? Ya, sudah habis. Jemput Puan Rahmah.

4.00 ptg.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyuarakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995.

Pertamanya, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang telah menyiapkan rang undang-undang ini mengikut susunan fasal dengan terang dan jelas. Mengikut apa yang telah dinyatakan bahawasanya nama Putrajaya ini adalah sebagai kenang-kenangan kepada nama Perdana Menteri Malaysia yang pertama, iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Kepada kerajaan hari ini, khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, saya sebagai rakyat yang sentiasa mengikuti perkembangan negara merasa amat terharu di atas penelitian serta perhatian yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap Bapa Kemerdekaan Malaysia kita, sehingga Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995 dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk sama-sama kita membahar serta menyokongnya.

Tuan yang di-Pertua, saya juga berasa bangga di atas keikhlasan kerajaan negeri Selangor yang telah memperuntukkan sebanyak 4,400 hektar tanah bagi menghasilkan hasrat Kerajaan Malaysia untuk mewujudkan kawasan Perbadanan Putrajaya ini. Insya-Allah, apakala kawasan Perbadanan Putrajaya ini telah menjadi kenyataan, sudah tentu akan menambahkan lagi kecantikan negara dan akan lebih lagi menarik perhatian ramai para pelancong.

Tuan yang di-Pertua, saya mengharapkan semoga tidaklah menjadi tarikan kepada pendatang tanpa izin atau pelancong-pelancong haram. Saya juga merasa ada kebenarannya apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, iaitu

kemungkinan sesetengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini telah tidak ada lagi ketika Perbadanan Putrajaya ini beroperasi. Tetapi walau bagaimana sekalipun, kita berasa bangga dan bersyukur ke hadrat Ilahi kerana semasa rang undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini, kita semua adalah merupakan penyokong utama untuk membolehkan Perbadanan Putrajaya ini dilaksanakan bagi diwarisi sebagai pusaka berkekalan kepada jenerasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, semoga apa yang dibuat oleh pucuk pimpinan hari ini akan menjadi satu contoh serta ikutan kepada pemimpin-pemimpin negara pada masa-masa yang akan datang.

Tuan yang di-Pertua, di dalam buku Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya ini telah memberi gambaran yang jelas yang telah dapat merangkumi semua aspek. Saya berharap semoga Perbadanan Putrajaya ini akan menjadi satu perbadanan yang diwarisi kenangan yang akan menjadi kenangan yang berkekalan kepada jenerasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu Bangunan Putrajaya ini menggunakan kaedah plaster di bahagian luarnya, kerana apabila menggunakan kaedah plaster, maka sudah barang tentu sekurang-kurangnya 10 tahun digunapakai, kerajaan terpaksa memperuntukkan berjuta-juta ringgit Malaysia untuk mencantikkan semula bahagian luar yang telah menampakkan kelunturan serta kekotoran yang tidak dapat dinafikan oleh kita semua. Saya berharap semoga kerajaan hendaklah

menggunakan konsep lain bagi mencantikkan bahagian luar bangunan Putrajaya ini.

Tuan yang di-Pertua, umpamanya kita boleh menggunakan batu-bata yang beraneka warna. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa kalau tidak silap penerimaan saya, kita ada empat atau lima jenis batu-bata yang canggih yang tidak memerlukan kuasa penyelenggaraan yang tinggi khasnya. Kecantikan juga akan terpelihara buat jangka masa yang sangat lama. Umpamanya, apa yang kita semua dapat lihat dengan jelas seperti Bangunan Sultan Abdul Samad yang ada sekarang. Walaupun ratusan tahun usianya, bangunan ini masih lagi kekal kecantikannya sehingga ke hari tanpa memerlukan kerja-kerja mengecat bahagian luarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bangunan baru yang menggunakan kaedah ini ialah bangunan baru Majlis Daerah Kulai, Johor, kalau tidak salah pengalaman saya. Saya menggesa supaya kerajaan meneliti serta mempraktikkan kaedah pembinaan seumpama ini. Bukan Bangunan Putrajaya sahaja, bahkan juga bangunan-bangunan kerajaan yang akan dibangunkan kelak, kerana kaedah ini tidak juga memerlukan kos yang amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saranan yang saya buat ini dan saya cadangkan ini adalah merupakan cadangan untuk menjadikan bangunan ataupun Putrajaya ini sebagai satu legenda kepada jenarasi-jenarasi yang akan datang. Maka dengan ini, saya dengan penuh keikhlasan menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995 ini.

Tuan yang di-Pertua: Tuan Ding Seling.

4.05 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama dengan rakan yang lain untuk menyokong rang undang-undang yang kita bincangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya apabila mendengar Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan semalam untuk membentuk Perbadanan Putrajaya 1995. Saya sebenarnya berasa begitu terharu dan bangga, kerana bagi saya inilah satu contoh yang semua negeri-negeri dalam Malaysia ini boleh mencontohi, kerana apabila terbentuknya badan ini nanti, dan satu bandar yang diberi nama Putrajaya itu nanti akan dibangun, walaupun bukan dalam satu dua tahun, saya rasa misal atau contoh itu bolehlah dicontohi di semua negeri dalam Malaysia ini supaya kita mempunyai tempat-tempat kediaman rakyat Malaysia dalam abad yang akan datang yang begitu baik, selesa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, ini adalah lahir daripada wawasan Perdana Menteri kita yang disokong penuh oleh semua parti dalam Barisan Nasional, seterusnya juga oleh pegawai-pegawai kerajaan kita yang arif dan bijaksana, maka timbullah satu Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995 ini dan dalam beberapa tahun yang akan datang kita akan melihat nanti satu tempat yang begitu baik dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya dalam bahasa Inggeris 'lost of words' untuk menyampaikan sokongan saya, dan apabila cuba memikirkan apa yang harus saya katakan semalam, saya

hanya cubalah menyampaikan sokongan saya itu dalam bentuk pantun. Kalau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya sampaikan sokongan saya dalam sedikit pantun:

*Perdana Menteri pertama
bernama Tunku Abdul Rahman,
Pelopor kemerdekaan negara
Malaysia,
Inilah manifestasi sebuah
wawasan ringgit Malaysia,
RM20 bilion metropolis
Putrajaya.*

*Dato' Seri Dr. Mahathir arkitek
pembangunan,
Peneraju utama Barisan Nasional,
Pusat pentadbiran kerajaan Per-
sekutuan,
Walaupun moden, asasnya tra-
disional.*

*Terima kasih Kerajaan Selangor,
Murah hatimu adab bangsa,
Inilah bukti perpaduan yang
luhur,
Barisan Nasional Malaysia ke
peringkat antarabangsa.*

*Dari Kuala Lumpur kita ke
Sarawak,
Duduk berbincang pembinaan
Bakun,
Majukan Kuala Lumpur jangan
lupakan Sarawak,
Sama-sama kita seMalaysia
membangun.*

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995. Sekian, terima kasih.

Tuan yang di-Pertua: Yang berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

3.50 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan juga Rang Undang-undang ini. Dalam saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan, saya ingin menarik balik perhatian kita kepada lembaran sejarah tentang tamadun pentadbiran negara secara universal. Apa yang telah didapati, sejarah telah menunjukkan bahawa acap kali pusat pemerintahan diubah dalam sesebuah negara. Ini boleh dilihat sebagai contoh Constantinople yang dijadikan pusat pentadbiran yang dipindah dari tempat asalnya. Hinggalah kepada zaman moden kini bila kita dapat tempat-tempat pusat pentadbiran seperti Ottawa di Canada dan juga Washington di USA. Ada dua fakta yang menyebabkan pusat pemerintahan diubah, iaitu pertamanya, ialah untuk kemudahan pentadbiran ataupun dengan izin, "administrative convenience" ataupun yang keduanya, ialah atas sebab strategic point for defence, dengan izin.

Dalam konteks Putrajaya, kita dapati bahawa pusat pemerintahan ini telah ditetapkan sebagai satu yang boleh kita katakan sebagai satu perubahan untuk "administrative convenience" kerana Yang Berhormat Menteri telah menyatakan semalam bahawa lokasinya ialah di antara Sepang iaitu International Airport, dengan izin, dan juga kota Kuala Lumpur sendiri.

Jadi mengambil contoh sejarah ini seperti yang saya sebutkan tadi, bahawa Constantinople adalah satu yang mungkin perlu kita dapat lihat sebagai

satu contoh yang menarik di mana Sultan Muhammad, the conqueror telah menjadikan ianya pusat empire yang mementingkan lokasinya, Constantinople juga merupakan lokasi yang membawa ke arah kedalaman bagi empire tersebut. Dan ini juga kita dapati ketepatan dengan apa yang akan dilakukan dengan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, Putrajaya tidak perlu kita lihat hanya dari segi fizikalnya, tetapi juga kita perlu melihat kepada roh dan semangat Putrajaya itu dibangunkan. Mengikut seorang ahli sejarah yang terkenal iaitu Arnold Toynbee dalam bukunya *'A Study of History'*, ia telah menyatakan bahawa sesuatu pusat pentadbiran itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris mestilah mempunyai ciri-ciri berikut, *"Its walls enfold at close quarters, representative of all nations and classes, speakers of all languages and adherents of all religious and philosophical aspiration while its gates lead out on to highways running in all directions to the world's end"*. Dengan izin, lagi sekali sebab tidak sempat hendak translate, Tuan Yang di-Pertua. Sesebuah pusat pemerintah dan pentadbir itu perlulah menjadi *"A visible epitome of the world which it governs"*, ini Arnold Toynbee telah memberi contoh sepertimana merupakan capital city of the Inca zaman dahulu iaitu Cuzco ibu negeri kaum Incas.

Jadi, perlulah kita dalam membentuk satu pusat pentadbiran, memberikan satu ilham dan memberikan satu roh untuk Putrajaya supaya ianya dapat dilihat mempunyai sejarah, sejarah masa hadapan bukan sahaja sebagai pusat pentadbiran *per se*, tetapi juga sebagai satu pusat bandar yang akan dikenang dalam sejarah dan

dapat dijadikan sebagai satu contoh iaitu pusat yang mempunyai 'melting pot' ilmu, budaya dan agama. Saya percaya negara kita atau Putrajaya yang juga akan mempunyai satu masyarakat yang kosmopolitan akan dapat menyediakan prasarana melalui penduduknya dan menjadikan berperanan sebagai 'the node of communication system'. Jadi, ini merupakan 'link' ataupun kaitan Putrajaya masa kini dan masa depan.

Dan juga dalam era teknologi dan globalisasi, budaya, agama dan teknologi tinggi perlu digabungkan dan dijadikan teras sejarah akan datang untuk Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menghasilkan idea Putrajaya. Dan saya lihat ianya adalah apa yang saya katakan atau namakan sebagai, dengan izin, 'the Many Wonders of Dr. Mahathir Mohamad'. Wawasan arah ke negara maju ini memang tepat sekalilah dengan adanya Putrajaya yang diharapkan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin merupakan satu 'garden city' berharmoni dengan teknologi bangunan "intelligent". Kita berharaplah 'garden city' itu akan merupakan satu bandar atau 'garden city' yang menyamai The Babylon atau 'the Hanging Garden of Babylon' dan mungkin kita boleh menjadikan Putrajaya 'the babylon of the East'. Ingin saya nyatakan di sini, walaupun Babylon telah berzaman-zaman iaitu semasa "The Sumerian civilisation" tetapi bila saya pergi pada tahun 1987 yang lalu, ianya masih merupakan satu bandar raya yang begitu kemas dan

begitu terancang. Yang perlu menarik perhatian kita dan saya juga ingat perlu kita tekankan ialah tentang sistem perparitan dan pembuangan sampah yang merupakan salah satu daripada fakta Kuala Lumpur menjadi tumpuan 'enviromental' success" di mana masalah enviroment seperti banjir kilat, kita minta di Putrajaya tidak akan berlaku. Sistem perparitan zaman silam ini adalah satu sistem yang sangat efisien, kalau kita lihat contoh seperti di Babylon itu sendiri, (tidak tahulah sudah kena bomkah semasa Iraq bergaduh dahulu), tetapi juga mungkin satu sistem perparitan yang menarik ialah seperti yang kita dapati di kota-kota raya di Iran di mana mereka menggunakan secara sistem semulajadi perparitan yang diambil daripada air dari gunung yang mengelilingi kota Tehran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya haraplah impian kita bersama, impian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad akan dapat direalisasikan. Dengan kata-kata itu, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin
3.58 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan mengenai Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya yang telah dibentangkan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya juga seperti Ahli-ahli yang lain merasa cukup bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana pemikiran pemimpin yang berwawasan telah meletak, sedang meletakkan asas-asas

kecemerlangan kepada negara khususnya dalam usaha negara Malaysia untuk menjadi negara contoh kerana pemimpin kita memang serious, serius (bahasa baku).

Tuan Yang di-Pertua: Apa beza serious dengan serius ini?

Tuan Haji Hashim bin Safin: Macam bangku dengan kerusilah. Memang serious untuk memastikan tahap kecemerlangan negara itu terbukti. Pemimpin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bukan setakat hendak mencemerlangkan Malaysia, hendak menjadikan Malaysia negara contoh, bahkan Kelantan pun baru-baru ini telah dinawaitukan untuk menjadi negeri contoh, tetapi nawaitunya tidak terbukti oleh sebab-sebab tertentu yang ada kaitan yang saya sebutkan dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya ini.

Saya melihat dua wakil daripada Kerajaan Negeri di depan saya ini, tidak ada, tetapi saya hendak registerlah, biar besok anak cucu piut piat di Kelantan besok dapat membaca teks saya tentang bantahan saya mengenai Kelantan dalam usaha pucuk pimpinan hendak membangun Kelantan dikesempatan perbahasan saya mengenai Perbadanan Putrajaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak sentuh, untuk menyatakan terima kasih dan syabas kepada kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan yang ada pada hari ini yang berkorban telah memperuntukkan sejumlah lebih daripada 14,000 hektar tanah untuk dijadikan pusat bandar pentadbiran informasi yang canggih di masa hadapan yang akan memberi satu

kemasyhuran kepada Malaysia dan soal tanah ini memang penting, kerana apa-apa pun yang kita buat mest di atas tanah.

Saya ingin mendaftar ucapan saya ini untuk Kerajaan Negeri Kelantan supaya mengambil iktibar bahawa pembangunan mesti dimulakan di atas tanah. Tidak tahulah, kalau ada ilmu apa, di bawah kepimpinan ulama ini, boleh buat pembangunan di udara, kecuali satelit, tetapi sebahagian besar pembangunan mesti dimulakan di atas tanah. Contoh yang baik, bukan semestinya daripada seorang yang mendakwa 'ulama', tetapi kalau pemimpin-pemimpin besar macam Dato' Seri Dr. Mahathir, macam Menteri Besar Selangor yang komitted, yang betul-betul inginkan pembangunan merelai pemberian tanah. Kepada Kerajaan Negeri Kelantan, secara ikhlas saya nyatakan kenapa soal tanah ini menjadi permasalahan sehingga pihak Kerajaan Persekutuan menghadapi masalah. Soal tanah yang telah diberi, seperti KESEDAR, telah dibangunkan, telah dibayar premium berjuta-juta ringgit, pembangunan telah dibuat beratus juta ringgit, pentadbiran ada, tetapi masih dengan kedegilan kepentingan politik mengatasi faedah, akhirnya rakyat Kelantan yang merana.

Begitu juga dalam soal-soal tanah yang kita hendak untuk pembangunan bangunan Pusat Giat Mara dan bangunan untuk Pusat Latihan Belia yang tentunya memberi faedah, bukan hanya kepada orang UMNO bahkan kepada semua tanpa mengira parti, kita beri. Jadi, saya hendak daftarkan ucapan saya ini dan kepada wakil yang ada ini, bawa balik, tunjuk kepada orang Kelantan bahawa sepatutnya negeri Kelantan meniru contoh baik

ini untuk faedah rakyat. Jangan mempergunakan kepentingan politik peribadi, politik kelompok parti sehingga mengorbankan nasib rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, saya sempat meneliti secara tergesa-gesa tentang peluang-peluang yang akan tentunya besar dalam kerja-kerja kontrak, pengambilan kerja peguam, perunding, broker saham kewangan dan sebagainya yang berkaitan di dalam proses pembinaan Putrajaya nanti. Sekadar mengingatkan, memang kerajaan sedang melaksanakan untuk memastikan kontrak-kontrak secara sebenar akan dapat dinikmati oleh kontraktor-kontraktor bumiputera yang sekarang sedang kita daftarkan dan senaraikan kontaktor berwibawa, berpotensi dan sebagainya. Sukalah saya mengingatkan pihak kerajaan, kadang-kadang ada pihak yang masih pandai berselindung di sebalik kerja-kerja yang baik, tetapi yang mendapat faedah kontrak ini sebenar atau keuntungan kontrak ini sebenar ialah orang lain, iaitu tidak bumiputera, walaupun syarikatnya bumiputera. Ibarat gulai, isi dimakan oleh orang lain. Kuah dimakan oleh kontraktor yang mengguna nama, walaupun diistilah berpotensi ataupun berwibawa. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan kerajaan memberi perhatian serius kepada perkara ini untuk memastikan nikmat sebenar tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir, saya juga berminat tentang kecantikan seperti yang disebut oleh sahabat saya sekejap tadi di mana kecantikan ini kurang bererti.

Tuan Yang di-Pertua: Sahabat yang mana?

Tuan Haji Hashim bin Safin: Yang Berhormat, Puan Kamilia, yang baru bercakap. Semua sahabat, tetapi yang terbaru. Kecantikan tidak bererti kalau kotor. Sebab itu Islam menggalakkan kebersihan. Kebersihan itu adalah iman, termasuklah kebersihan hati. Sebab itu kalau hati kita kotor, muka pun nampak berang dan marah—macam orang PASlah, sebab hati dia kotor. Kekotoran hati akan terpancar melalui muka, kebersihan hati akan terkeluar melalui muka. Jadi, dalam soal kecantikan ini tidak boleh dipisahkan dengan soal kebersihan. Maka kita harapkan, unsur-unsur untuk memastikan kebersihan yang betul-betul dapat berlaku di bandar ini bila ianya siap nanti dan cara untuk memastikan itu terserahlah kepada pakar-pakar. Saya cuma mengingatkan iaitu kebersihan yang betul-betul baharulah ada kecantikan. Tidak cantiknya kalau kita kotor. Kalau kereta kita bersih, berkilat-kilat, kalau tayar kotor pun tidak cantik. Kalau kita pakai bersih, kasut kotor pun tidak cantik. Kalau perempuan cantik, kaki kotor, pun tidak cantik.

Tuan Yang di-Pertua: Cantik juga.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Cantik muka sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perbincangan saya dan sekali lagi saya ingin menyatakan rasa sokongan dan rasa berbesar hati sebagai seorang warganegara di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Seri Mahathir yang mempunyai wawasan dan wawasan itu semakin terjelma satu persatu. Saya dengan ini menyatakan sokongan kepada Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada lagi yang hendak bercakap. Jadi, saya menjemput pihak menteri menjawab. Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri.

4.07 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, khususnya yang telah memberi sokongan yang penuh juga turut berbangga dengan perancangan mengenai penubuhan Perbadanan Putrajaya yang dicadangkan.

Di samping sokongan. Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah memberi teguran serta cadangan-cadangan dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya tidak dapat menyebutkan satu persatu nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, tetapi antara yang paling saya ambil berat dan saya rasa antara yang penting ialah—semuanya penting, tetapi antara yang saya ingat dalam kepala ialah teguran daripada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang bertanya apa yang akan terjadi kepada harta-harta dan bangunan-bangunan kerajaan yang begitu banyak ditinggalkan di Kuala Lumpur, setelah pusat pentadbiran kerajaan dipindahkan ke Putrajaya. Ini adalah satu soalan yang baik. Sebenarnya memang kerajaan peka bahawa banyak harga-harga kerajaan yang ditinggalkan. Kajian sedang dijalankan untuk mengetahui secara terperinci keluasan dan nilai-nilai harta yang akan ditinggalkan oleh agensi-agensinya yang berpindah ke Putrajaya kelak. Tetapi

sebelum kajian ini selesai, kerajaan tidak dapat membuat sebarang keputusan muktamad mengenai harta-harta ini.

Namun demikian, ada beberapa kemungkinan bagaimana harta-harta ini dapat digunakan iaitu antara lain kemungkinan ianya akan juga terus digunakan oleh agensi-agensi kerajaan yang masih tinggal beroperasi di Wilayah Persekutuan seperti JAWI, Jabatan Perparitan dan Saliran Wilayah Persekutuan dan sebagainya atau sebahagian daripada harta-harta ini mungkin dapat digunakan untuk membiayai sebahagian daripada pembangunan Putrajaya itu sendiri di' commercialised'kan dan mungkin sebahagiannya akan dapat disewa kepada pihak-pihak swasta. Bagaimanapun, kajian terperinci harus dijalankan terlebih dahulu.

Yang Berhormat juga telah bertanya dan menyarankan supaya pihak swasta yang dipilih untuk membangun Putrajaya adalah pihak yang tidak mementingkan keuntungan semata-mata. Sememangnya dalam pembangunan Putrajaya, sebahagian besarnya akan diserahkan kepada pihak swasta dan pihak swasta dan yang akan diberi peluang mengambil peranan ialah mereka yang benar-benar berpengalaman dan berwibawa. Lebih penting sekali ialah swasta yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Kerajaan akan menentukan supaya pihak yang dipilih tidak mementingkan keuntungan semata-mata tetapi juga pihak swasta yang komited terhadap hasrat dan aspirasi kerajaan dalam pembangunan Putrajaya itu sendiri sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tadi yang menghayati roh dan semangat pembangunan Putrajaya itu sendiri.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba menyarankan supaya perbadanan yang akan ditubuhkan tidak terikat dengan aktiviti komersil sahaja. Tumpuan hendaklah diberi kepada pembangunan Putrajaya dan mengelakkan percanggahan kepentingan. Saya ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa penubuhan perbadanan ini tidak terikat kepada aktiviti komersil tetapi bertanggungjawab menyelaras, membangun dan menyelenggarakan Putrajaya. Apa-apa perkara mengenai aktiviti komersil yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini hanya untuk memberi fleksibiliti untuk perbadanan ini bergerak sebagai badan yang agresif, dinamis dan proaktif.

Tentang saranan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kesilapan-kesilapan membangun Kuala Lumpur terutama yang melibatkan kesesakan lalu lintas tidak berulang di Putrajaya. Perkara tersebut telah diambil kira dalam perancangan Putrajaya. Strategi pengangkutan Putrajaya mementingkan perkhidmatan yang efisien dari segi hubungan antara wilayah dan pergerakan dalaman. Kenderaan persendirian tidak digalakkan di kawasan pusat atau core. Oleh itu, pelbagai perkhidmatan pengangkutan awam akan disediakan.

Ada juga saranan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang menghendakkan garis panduan kepadatan penduduk-penduduk di Putrajaya. Dalam perancangan Putrajaya, perkara kepadatan penduduk telah diteliti dan garis panduan berkenaannya telah disediakan, Putrajaya akan mempunyai kepadatan penduduk yang rendah dan sebanyak 40% daripada kawasan akan disediakan sebagai kawasan lapang.

Maka begitu juga dengan height control. Oleh kerana kepadatannya rendah, maka ketinggian juga rendah.

Mengenai saranan yang Berhormat Puan Rahmah supaya bangunan-bangunan itu terus kekal, cantik dan tahan lama. Insya-Allah, ini amat dipentingkan dalam perancangan dan juga reka bentuk bangunan-bangunan yang disediakan di Putrajaya.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim amat berfalsafah, alhamdulillah, dengan tertubuhnya pencetusan pemikiran untuk membangun pusat baru di Putrajaya ini sebenarnya melambangkan satu semangat baru. Kita keluar dari kongkongan pemikiran lama kepada satu dinamisme yang baru, bangsa Malaysia yang baru, insya-Allah.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin meminta peluang-peluang perniagaan dan kerja bagi perunding-perunding dan sebagainya hendaklah digunakan tenaga-tenaga tempatan dan bumi-putera. Biarlah saya jawab dengan panjang sedikit.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pembangunan Putrajaya sebagai sebuah bandar yang 'super efficient', peralatan canggih dan moden sebagai sebuah 'intelligent city' tidak akan melibatkan kepakaran dari luar negara. Semua kepakaran teknikal dan bukan teknikal adalah 'made in Malaysia'. Ini adalah satu yang membanggakan. Malah, Putrajaya akan menjadi contoh kepada program pembangunan wilayah dan pembangunan-pembangunan bandar-bandar baru di seluruh negara di masa-masa yang akan datang khususnya dalam

perkara-perkara yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan kemudahan-kemudahan sosial.

Akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan sokongan penuh terhadap Rang Undang-undang yang dibawa ini. Terima kasih.

Tuan N. Marimuthu (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Untuk apa ini?

Tuan N. Marimuthu Saya di sini minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Daripada 4,400 hakter projek ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi sebenarnya kalau hendak meminta penjelasan, semasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedang menjawab. Tetapi walau bagaimanapun, saya beri peluang.

Tuan N. Marimuthu Terima Kasih. 4,400 hektar projek ini, berapa ramai penduduk sekarang? Apakah pekerjaan mereka? Apakah rancangan kerajaan selanjutnya untuk mereka? Bolehkah kerajaan tempatkan mereka semula dalam projek bandar Putrajaya ini dengan mengadakan satu lagi projek perumahan yang khas untuk mereka?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, seluruh kawasan bukan sahaja melibatkan 4,400 hektar, bahkan dicampur dengan kawasan yang dirizabkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebanyak 10,000 hektar. Bermakna jumlah kawasan ialah 14,400 hektar dan kawasan ini kebanyakannya

kawasan ladang kelapa sawit dan mungkin ada sedikit-sebanyak getah, saya tidak berapa terperinci. Kebanyakan penduduk-penduduknya pekerja-pekerja ladang.

Jadi, kerajaan telah mengambil kira tentang masa depan mereka dan mereka juga akan diserapkan dalam tenaga kerja yang diperlukan untuk membangunkan bandar dan sememangnya kerajaan tidak akan membiarkan mereka begitu sahaja, bahkan rumah-rumah yang berpatutan akan dibina untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

4.25ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995 ini perlu diadakan bagi meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 yang sedang berkuatkuasa pada masa ini.

Pindaan-pindaan perlu dilakukan agar ianya dapat mengatasi kekurangan dan kelemahan yang ada di dalam undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Undang-undang yang dicadangkan ini telah dikaji oleh satu Jawatankuasa Penggubalan Undang-undang yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Jawatankuasa ini telah mengkaji dan meneliti peruntukan-peruntukan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan mendapati perlunya beberapa pindaan dibuat bagi memperkemas lagi peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

Seksyen 8A diperkenalkan bagi membolehkan Majlis menubuhkan syarikat bagi mengembangkan aktiviti ekonomi tujuan mempelbagaikan aktiviti ekonomi untuk kesejahteraan masyarakat Islam di wilayah-wilayah Persekutuan.

Seksyen 58(2) adalah dipinda bertujuan untuk memperluaskan kuasa Ketua Pendakwa Syarie. Dengan adanya pindaan ini, Ketua pendakwa Syarie bukan sahaja boleh memulakan dan menjalankan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di Mahkamah Syariah, malahan, boleh juga memberhentikan sesuatu prosiding jika didapati perlu.

Seksyen 59 pula telah dipinda keseluruhannya di mana di dalam peruntukan ini memberi kuasa kepada Majlis untuk melantik mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan hukum syarak yang mencukupi menjadi peguam syarie bagi mengendalikan kes-kes di Mahkamah Syariah.

Di dalam mentadbirkan peguam syarie ini, Majlis dibenarkan untuk membuat kaedah-kaedah bagi tujuan mengawal selia, mengadakan prosedur-prosedur, kelayakan-kelayakan dan pembayaran apa-apa fee. Seksyen ini juga memperuntukkan pengecualian pegawai-pegawai dari perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang dilantik di bawah Seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 dari memiliki Sijil Peguam Syarie.

Manakala Seksyen. 102(2) pula dipinda bagi membetulkan kesilapan teknikal yang sedia ada pada peruntukan seksyen ini.

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah diperkatakan, adalah didapati bahawa pindaan-pindaan

kepada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 adalah perlu dibuat bagi mengemaskinikan peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 sekarang bersedia untuk dibahaskan. Sila, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

4.30 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membincangkan dan seterusnya memberikan sokongan kepada pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai pindaan Rang Undang-undang ini di mana terdapat dua pindaan yang besar. Yang pertamanya ialah untuk memberikan kelulusan kepada Majlis ataupun Pentadbiran Agama Wilayah Persekutuan untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan juga untuk menganggap bahawa syarikat-syarikat yang telah pun ditubuhkan oleh Majlis di bawah Akta Syarikat 1965, sebelum bermulanya kuatkuasanya seksyen ini hendaklah disifatkan seolah-olahnya telah pun ditubuhkan dengan sah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi saya rasa pihak Majlis Agama Wilayah Persekutuan hendaklah lebih berhati-hati apabila mempergunakan kewangan yang akan dipergunakan untuk tujuan perniagaan. Kerana tujuan Majlis Agama Wilayah Persekutuan, saya fikir bukanlah tujuannya untuk menjalankan perniagaan tetapi lebih dengan bertujuan untuk menjaga hal-hal yang ada bersangkutan dengan soal-soal keagamaan dan juga soal perundangan-perundangan Islam. Mungkin akta ini dibuat dengan niat yang baik. Tetapi sebagaimana yang kita ketahui, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memperjelaskan, saya sebagai penduduk Wilayah Persekutuan, saya tahu di-mana setakat ini saya dimaklumkan lima venture yang telah pun dijalankan oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan dan kelima-limanya dari makluman saya, ianya tidak mendatangkan sebarang keuntungan tetapi telah pun melibatkan kerugian yang banyak kepada Majlis Agama Wilayah Persekutuan.

Apa telah terjadi kepada syarikat membuat bateri, Standard Battery yang dimiliki oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan? Berapa juta pelaburan yang telah pun dilaburkan kepada syarikat ini? Apa telah berlaku kepada projek perumahan yang dijalankan di Gombak oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan? Sampai sekarang pun saya dimaklumkan soal hak milik tanah itu masih belum dapat diputuskan dan juga telah pun menimbulkan masalah dari segi pembiayaan. Begitu juga dengan beberapa mini market ataupun supermarket yang telah pun dibuka oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan. Berapa juta wang telah

pun disalurkan di sini? Begitu juga baru-baru ini masalah pembelian saham Petronas. RM2 juta wang Majlis Agama Wilayah Persekutuan telah pun disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Oleh kerana perkara ini masih lagi di mahkamah, jadi tidaklah boleh saya menceritakan bagaimana keadaan ini boleh berlaku. Biarlah mahkamah akan membuat penentuan. Begitu juga beberapa Projek Sang Kancil yang telah pun dijalankan untuk membuat mee dan sebagainya oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan.

Saya percaya semua kelima-lima syarikat yang telah pun saya katakan tadi telah pun mengalami kerugian yang teruk. Tidak tahulah kalau boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan perangkaan-perangkaan yang menunjukkan bahawa syarikat-syarikat yang telah pun ditubuhkan ini telah pun mendatangkan atau mendapatkan keuntungan.

Satu lagi perkara dalam soal perniagaan ini, jangan kita ingat bahawa perniagaan ini akan mendapat keuntungan selama-lamanya. Juga kita berharap, jangan juga ada pihak-pihak yang akan menggunakan Majlis Agama Wilayah Persekutuan kerana dengan alasan ini adalah untuk Majlis Agama Wilayah Persekutuan, jadi kita boleh joint venture dan akhirnya yang rugi ialah Majlis Agama Wilayah Persekutuan, manakala yang masuk joint venture itu akan mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim, minta jalan. Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah peraturan yang relevan, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Mesyuarat.

(Tuan Hanipah bin Ahmad
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Hanipah bin Ahmad:
Dijemput Yang Berhormat Tuan
Rahim bin Baba.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak pengalaman apabila kita membenarkan badan-badan yang separuh kerajaan ataupun badan-badan kerajaan menceburi di dalam bidang perniagaan. Pada saya soal perniagaan kita biarkan kepada mereka yang pakar di dalam bidang ini. Saya tahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab, akan menjelaskan bahawa Majlis Agama Wilayah Persekutuan akan mendapatkan kepakaran-kepakaran. Tetapi dalam kepakaran ini juga, lima projek yang telah pun dijalankan oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan telah mengalami kerugian. Kita tidak mahu perkara ini berulang lagi.

Dari segi fatwa pun saya tidaklah mendalami dari segi agama, dari segi fatwa; kerana wang yang digunakan ini ialah wang daripada wang zakat, wang fitrah yang dibayar oleh masyarakat ataupun orang-orang Islam dengan tujuan untuk diberikan kepada lapan asnaf, lapan golongan yang patut menerima. Bukannya dengan tujuan untuk menjalankan perniagaan. Jadi, orang yang membayar zakat itu pun tujuannya bukannya untuk Majlis Agama Wilayah Persekutuan untuk menjalankan perniagaan tetapi dengan niat supaya wang ini dipergunakan kepada lapan golongan yang sepatutnya menerima. Bukannya untuk menjalankan perniagaan.

Soal perniagaan biar kepada orang yang pakar. Ramai orang yang boleh menjalankan perniagaan dan ia dapat

untung, biar ia bayar zakat. Itu sepatutnya difikirkan oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan dan bukannya untuk menjalankan perniagaan sendiri. Soal perniagaan ada orang yang lebih pakar, ada orang yang lebih bidang, yang lebih ahli daripada itu. Biar mereka ini menjalankan. Dia dapat untung, dia bayar zakat, dia bayar cukai. Jangan sekali-kali kita membiarkan Majlis Agama Islam kerana saya takut oleh kerana tidak adanya kepakaran, kita akan mengalami banyak lagi kerugian-kerugian. Ini hanyalah sebagai ingatan bukannya saya tidak menyokong.

Saya tahu pindaan ini dibuat adalah kerana untuk menghalalkan beberapa syarikat-syarikat—saya nampak Setiausaha Parlimen pun mengangguk—menghalalkan beberapa kesilapan yang telah pun kita lakukan selama ini. Kerana kita kena mengakui bahawa beberapa kegiatan perniagaan yang dijalankan oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan selama ini memanglah tidak mengikut peraturan yang tidak ada dalam Rang Undang-undang. Jadi, kali ini kita diminta meluluskan satu perkara kesilapan yang bukannya kesilapan yang kita sedari. Kesilapan yang tidak pun disedari oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan yang telah pun dilakukan. Saya berharap walaupun ada pindaan ini, hanya setakat ini sahaja. Janganlah pula Majlis Agama Wilayah Persekutuan terlampau ambitious sangat.

Saya katakan sekali lagi soal perniagaan kita tinggalkan kepada golongan orang yang berniaga. Kita kempen kepada orang-orang Islam yang banyak mendapat keuntungan, suruh dia bayar zakat, suruh dia bayar

fitriah, suruh dia cari derma, beri kepada Baitulmal. Itu yang sepatutnya yang lebih kita tumpukan daripada untuk kita menjalankan perniagaan. Kita tidak ada kepakaran. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan tidak yakin dalam keadaan sekarang ini ada mempunyai kepakaran-kepakaran. Orang yang pakar sekali pun membuat perniagaan pun boleh lingkup, inikan pula oleh kerana kita ini orang Islam, agaknya fikirkan Tuhan sentiasa bersama-sama, tentulah orang Islam kalau berniaga sahaja, boleh untung. Jangan fikir macam itu. Sejarah telah membuktikan, 4-5 syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah pun mengalami kerugian-kerugian. Saya tidak tahulah kalau Setiausaha Parlimen boleh mengatakan kelima-lima syarikat yang telah pun ditubuhkan ini telah pun mendapat keuntungan-keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang telah pun ditimbulkan di dalam Rang Undang-undang ini ialah dengan keadaan kedudukan mahkamah syariah. Kita tahu di Wilayah Persekutuan terdapat lebih daripada 600,000 orang Islam yang duduk di Wilayah Persekutuan di waktu malam. Kalau di waktu siang, lebih lagi, mungkin 700,000 atau 800,000 orang Islam di Wilayah Persekutuan, yang duduk di sekitar Wilayah Persekutuan datang ke Kuala Lumpur. Mahkamah Syariah Kuala Lumpur hanya 6 orang hakim, saya difahamkan. Saya tidak tahu sama ada ini mencukupi ataupun tidak. Banyak masalah sosial yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Islam di Wilayah Persekutuan. Satunya saya beri contoh kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

mengenai masalah perceraian, pasangan-pasangan yang bercerai. Saya berharaplah kepada mahkamah syariah supaya apabila satu pasangan itu bercerai, dikeluarkan juga satu perintah sementara, soal penjagaan anak, soal nafkah dan soal pembahagian harta ataupun sebagainya. Jangan apabila pasangan itu datang ke mahkamah dan mahkamah mengambil keputusan, okay boleh bercerai, selepas itu tidak dipedulikan soal penjagaan anak dan juga soal nafkah. Kena pula isteri ini, dikatakan kena memohon sekali lagi kadang-kadang memakan masa 3 bulan, 4 bulan, setahun, dua tahun barulah soal penjagaan anak, soal nafkah baru dapat diselesaikan. Dalam masa setahun, dua tahun ini, apa akan jadi kepada isteri-isteri yang terpaksa membela beberapa orang anak tadi. Saya hendak supaya mahkamah syariah apabila memutuskan satu pasangan itu bercerai, sat perintah sementara pun dikeluarkan supaya anak ini siapa-siapa yang jaga, nafkah berapa kena bayar kepada anak-anak ini, sekali, tidak payah tunggu lagi, si isteri kena minta permohonan yang berlainan ataupun mendapatkan satu perintah yang berlainan.

Kita tengok walaupun tidak di Wilayah Persekutuan, kita tengok kes di Johor Bahru, kes Abu Talib yang mempunyai 10 orang isteri, Saya tahu, sengaja hendak tanya ustazah dia ingat atau tidak. Saya dengar semua jawab 10. Ada 17 orang anak. Dimasukkan ke dalam penjara, selepas itu tidak dipedulikan pun soal penjagaan anak-anak itu tidak diambilkira. Nasib baiklah ada Tuan Syed itu bermurah hati, dia pergi bela. Sepatutnya, mahkamah syariah apabila membuat sesuatu keputusan, apabila keputusan bercerai, kena penjara pun sekali, tetapkan juga

rujuk saya ada di sebelah ini. Bagaimana hendak caveat hartanya kerana hak masing-masing. Kalau tidak diberitahu, tidak diajarkan kepada isteri bahawa hak dia boleh caveat harta-harta ini, wang ringgit yang dipunyai oleh suami, kadang-kadang suami itu, kalau isteri itu tidak kisah, lepas itu dia pun berkahwin lain, harta itu pun diserahkan kepada isteri yang lain. Jadi kita tidak mahu isteri yang pertama tadi tidak mendapat haknya.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal ramai pasangan yang bercerai, saya cerita yang tak baiklah, yang baik itu tak apalah, nanti Datuk Haji Ibrahim boleh cerita. Yang kadangkala itu yang bercerai dapat arahan potong gaji. Kalau kerja kerajaan memang mudah, saya tahu ada peguam-peguam di sini. Mahkamah akan membuat keputusan katakan kepada Syarikat ABC Sdn Bhd harap potong gaji sipolan bin sipolan, RM200 sebulan. Tetapi apabila sipolan bin sipolan bertukar kerja, maknanya isteri kena minta sekali lagi pengisytiharan daripada mahkamah syariah.

Saya berharap pengisytiharan itu katakan di mana pun si suami itu bekerja, dia akan potong gaji. Kalau kerajaan senang, asalkan dia bekerja dengan kerajaan, dia pindah mana-mana jabatan pun, potongan itu akan dibuat. Tetapi dalam keadaan sekarang, dalam perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah sekarang, saya difahamkan potongan gaji itu hanyalah untuk sesuatu syarikat yang berkenaan sahaja. Apabila dia bertukar ke syarikat lain, kena minta pula sekali lagi, minta permohonan, isteri kena buat sekali lagi permohonan untuk potong gaji kepada suami. Jadi, maklum sahajalah isteri yang dalam

keadaan terdesak, kadang-kadang isteri-isteri yang tidak tahu untuk mendapatkan perkhidmatan daripada peguam-peguam ataupun sebagainya, kemudian hendak pergi ke Mahkamah Syariah sekali lagi mengambil masa dua tiga bulan barulah diputuskan. Jadi, dalam masa dua tiga bulan itu siapa yang hendak bertanggungjawab di atas nafkah kepada anak-anak tadi. Oleh itu saya berharap pada Mahkamah Syariah khususnya di Wilayah Persekutuan akan dapat memberikan perhatian dan pandangan saya ini adalah secara ikhlas mengenai perkara-perkara yang telah pun saya timbulkan tadi.

Saya berharap juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dapat menerima pandangan-pandangan saya tadi dengan fikiran yang terbuka. Jadi, dengan kata-kata itu saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.52 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1995.

Pertamanya untuk membolehkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ini menubuhkan syarikat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba tadi. Tuan Yang di-Pertua. Cuma dalam urusan perniagaan bukan sahaja pakar, pakar itu memanglah prasyarat, tetapi kadang-kadang orang yang jenis pakar ini juga buat kerja tidak senonoh.

Kita tengok bagaimana berlaku peristiwa BMF dahulu yang melibatkan kerajaan rugi RM1,000 juta lebih pelaburan di dalam Bank Bumiputera. Jadi, yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada 'pakar' ialah 'amanah'. Manusia ini rambut hitam, hati kita tidak tahu. Ada yang 'pakar' dan bila dia 'amanah' itu yang cukup baik, tetapi kalau pakar, tidak beramanah, tidak bermakna, tidak memberi manfaat sedikit pun malah mendatangkan kemudaratan. Oleh kerana ini Jabatan Agama Islam yang melibatkan nama Islam, maka sudah barang tentu ia ada kaitan dengan nama baik Islam. Ertinya dalam lain-lain perkataan kita kena pelihara jabatan seumpama ini daripada segala apa jua kelemahan.

Saya tidak mengatakan saya tidak bersetuju untuk Jabatan Agama Islam melibatkan dalam bidang perniagaan, tetapi ditentukan bahawa ianya dijalankan oleh orang-orang yang amanah, jangan seperti di Kelantan. Di Kelantan orang berlindung di balik Islam, tetapi kita tengok tidak amanah. Contohnya dalam Dewan yang mulia hari ini, saya menjadi Ahli Dewan ini hari yang ketiga dan dalam ingatan saya sampai hari ini, saya belum dengar lagi Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud dengan Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman yang mewakili Kerajaan Kelantan ada dalam Dewan yang mulia ini. Ini pun menunjukkan tidak amanah, apatah lagi mereka ini mewakili kerajaan yang mengatakan kerajaan Islam, sama juga di Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman saya, tengok wakil-wakil PAS dan wakil-wakil S.46 bila berceramah untuk mendapat ke-

menangan, mereka mengatakan walaupun mereka tidak boleh menubuhkan kerajaan, tetapi kehadiran mereka perlu dalam Dewan Rakyat, kehadiran mereka perlu Dewan Negara untuk menyampaikan pandangan, teguran, kritikan, apa-apa yang dibuat oleh kerajaan. Tetapi sepanjang masa sehingga hari yang ketiga ini, saya belum dengar lagi mereka bercakap—tidak ada pandangan yang mereka beri, sama juga di Dewan Rakyat, pemimpin mereka datang memberi ucapan ringkas. Kalau ada perbahasan keluar, tidak dengar orang bercakap—itu tidak amanah. Ini yang saya hendak sebut makna apa yang dikatakan tidak amanah ini.

Amanah ini penting, kalau tidak macam wakil dari Kelantanlah, terima elaun buta, maknanya elaun terima, bergaya, bercakap Islam, tetapi tidak melaksanakan kewajipan yang harus mereka laksanakan. Sebab itu dalam konteks ini saya ingin menarik perhatian pihak Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab pada Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan ini.

Saya bersetuju untuk melibatkan diri dalam perniagaan kerana kita perlu mencari pendapatan tambahan, dengan pendapatan tambahan, maka banyak lagilah kebajikan boleh dilakukan. Walau bagaimanapun untuk menjaga nama baik Jabatan Agama Islam seumpama ini, saya harap janganlah melibatkan diri dalam perniagaan yang berisiko tinggi. Berisiko tinggi ini maknanya bidang-bidang perniagaan yang memerlukan perhatian dan memerlukan kepakaran termasuk soal-soal teknikal. Ini ada risiko tinggi.

Saya cadangkan supaya Jabatan Islam ini berniaga dalam bentuk investment, dalam bentuk pelaburan seumpamanya. Saya percaya kerajaan akan meluluskan jika Jabatan Agama Islam memohon tanah kerajaan untuk mendirikan bangunan, maka bangunan itu diberi sewa. Itu tidak ada risiko, tanah pun premiumnya rendah. Tetapi agak luar biasa jika Jabatan Agama Islam hendak pergi membeli tanah, manakala ada pihak swasta memohon tanah kerajaan diluluskan untuk membuat projek perumahan, tetapi bila Jabatan Agama Islam memohon tidak diluluskan. Ini memang luar biasa.

Saya percaya kalau Jabatan Agama Islam memohon tanah tentulah premiumnya boleh dipertimbangkan, maka didirikan bangunan rumah kedai dan ini adalah satu jaminan perniagaan yang sudah pasti memberi pulangan dan keuntungan yang baik dan besar kepada Jabatan Agama Islam, jangan melibatkan diri dalam perniagaan yang berisiko tinggi untuk jabatan yang saya sebutkan ini. Jadi biarlah pihak swasta ataupun perbadanan yang lain-lain, yang melibatkan diri dalam perniagaan yang berisiko tinggi.

Kalau hendak berniaga juga sekarang ini kita lihat, perniagaan urusan membawa umat Islam pergi Umrah dan menunaikan Haji, walaupun ada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, tetapi diberi juga kebenaran untuk syarikat-syarikat swasta menguruskan soal-soal yang berkaitan dengan travel agency dan seumpamanya untuk menguruskan orang pergi Umrah ataupun mengerjakan Haji, ini tentu boleh mendatangkan keuntungan.

Selain daripada itu investment company—syarikat pelaburan yang

boleh mendapatkan saham-saham bumiputera yang diperuntukkan secara khas sepertimana institusi bumiputera yang lain-lain macam Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Koperasi Polis dan seumpamanya. Kalau berhati-hati dari segi risiko tadi sudah barang tentu Jabatan Agama Islam tidak akan terjerumus dengan perniagaan yang berisiko tinggi sebab soal yang saya sebutkan tadi, amanah ini kita tak tahu, hari ini kita anggap orang ini amanah, besok mungkin dia tidak amanah, amanah ini dalam hati, bukan pada ketayap, bukan pada serban dan bukan pada lancarnya membaca ayat Al-Quran, kerana kita pernah dengar, Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang-orang yang kuat agama pun, ada yang masuk Mahkamah Syariah, macam Ahli Parlimen Kubang Kerian.

Saya hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, ini kalau ada pihak yang hendak tulis—tulislah. Baru-baru ini selepas pilihanraya saya terima surat daripada sebuah firma guaman Wan Haron & Sukri. . . . dan saya lupa. Apabila saya terima surat ini, ada keluar dalam akhbar *Harakah* 'Ibrahim Ali disaman RM5 juta'. Kenyataan dibuat oleh Ahli Parlimen Kubang Kerian, beliau menyaman saya atas isu kes khalwat Mohamad Sabu dan Norma. Dalam surat itu meminta saya memohon maaf dalam tempoh 7 hari, kalau tidak minta maaf dalam tempoh 7 hari mereka akan terus mendakwa saya di bawah defamation ataupun saman malu. Saya pun melalui peguam saya menjawab surat Mohamad Sabu ini "Saya tidak akan minta maaf" kerana isunya saya kata "Mohamad Sabu dan Norma ini berada selama 3 jam di Hotel Perdana"—keluar dalam surat khabar Utusan Malaysia.

Saya membangkitkan perkara ini ada kaitan Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kredibiliti Jabatan Agama Islam sama ada Wilayah Persekutuan atau mana-mana negeri sekali pun. Bila saya jawab, saya tidak akan tarik apa yang saya kata sebab apa yang saya kata tidak sebagaimana yang dilaporkan, maka saya bersedia untuk didakwa di mahkamah bagi membolehkan saya kira satu anugerah Allah S.W.T, orang Putih Kata "Blessing in disguise", maknanya biar, kerana saya dapati perbicaraan kes khalwat Mohamad Sabu dan Norma di Mahkamah Syariah di Negeri Kelantan perlu dibuka semula dan saya kira dengan tindakan beliau untuk menyaman saya dan mengheret saya ke mahkamah membolehkan kes tersebut dibuka semula di mahkamah.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:
(Bangun)

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, Puan Hajah Zaleha bangun.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan dan memohon laluan. Apakah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali sebentar tadi kerana yang disebut tadi ialah Ahli Parlimen kawasan saya, maka saya bertanggungjawab juga untuk mendapat penjelasan.

Apakah yang disebut oleh saudara Datuk Ibrahim Ali tadi perkara-perkara yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah di negeri Kelantan itu dengan erti kata lain adalah tidak tepat dan hukuman itu adalah tidak adil seperti yang telah mereka putuskan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang kita tahu bahawa kes itu berjalan seperti kilat dan kes itu ditolak oleh Hakim Mahkamah Syariah iaitu Kadi Besar Negeri Kelantan atas alasan tidak ada bukti yang cukup dan pendakwaannya saya difahamkan, dalam kertas pendakwaan di sebut "Bilik No.12" manakala bilik sebenarnya "No. 121", maka kes itu ditolak. Saya kira ini satu konspirasi yang merosakkan nama baik Islam dan Majlis Agama Islam Kelantan ini di bawah pentadbiran Kerajaan Islam Kelantan.

Maka dengan sebab itu saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain negeri yang ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah memilih bulu dan roma, kedudukan ataupun pangkat. Apabila mereka bersalah di sisi undang-undang mereka mesti dihukum mengikut undang-undang. Ini yang saya bangkitkan.

Saya hairan mengapa Ahli Parlimen Kubang Kerian ini tidak meneruskan tindakannya terhadap saya. Saya tidak berhasrat untuk mencabar tetapi oleh kerana beliau telah memberi notis kepada saya, maka saya bersedia untuk bertemu dengan beliau dalam mahkamah untuk menentukan siapa yang benar dan siapa yang salah dan kita serahkan kepada proses perjalanan undang-undang yang adil dan saksama. Malangnya sampai hari ini perkara ini tidak didengar lagi oleh kerana mereka yang saya sebutkan ini, iaitu Ahli Parlimen Kubang Kerian sedar di antara 7 orang yang membuat penangkapan beliau di Hotel Perdana, 3 daripada yang terlibat yang bekerja dengan Majlis Agama Islam Kelantan

telah meletak jawatan dan mereka sudah bersedia untuk menjadi saksi bagi pihak saya yang akan didakwa saman malu ini.

Maka sebab itulah mungkin Mohamad Sabu ataupun Ahli Parlimen Kubang Kerian mahu menutup kes ini sebab dia percaya orang-orang Malaysia kita, masyarakat Malaysia ini mudah lupa kepada isu-isu yang besar. Maknanya kalau diam, perkara ini akan berlalu dengan begitu sahaja, jadi tidak lagi menimbulkan masalah kepada beliau. Manakala bagi saya, saya masih menunggu tindakan selanjutnya daripada Ahli Parlimen Kubang Kerian.

Kalau beliau seorang yang mempunyai kredibiliti, seorang pemimpin yang bertanggungjawab yang berselindung di bawah Islam yang hendak mempertahankan kesucian agama Islam, saya berharap beliau meneruskan hasrat beliau untuk mengambil tindakan saman malu terhadap diri saya.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini kerana saya mahu supaya Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri memelihara kesucian Islam, memelihara keluhuran Perlembagaan ini bagi menjamin bukan sahaja Islam sebagai satu agama yang dihormati tetapi ianya dipraktikkan dalam erti kata yang sebenarnya, baik dalam urusan-urusan yang telah dipertanggungjawabkan kepada Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan di samping usaha-usaha untuk menceburkan diri dalam perniagaan untuk mendapat pendapatan yang lebih. Tetapi ingat, seperti mana yang saya katakan tadi supaya berhati-hati. Libatkanlah dalam perniagaan yang tidak berisiko tinggi.

Banyak peluang pekerjaan yang tidak berisiko tinggi. Banyak, bukan sedikit. Saya katakan tadi permohonan tanah—saya ingin menyarankan kepada kerajaan, jika Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam Negeri-negeri memohon tanah, sepatutnya jabatan seumpama ini diberi keutamaan dengan premium yang paling minimum, kerana keuntungannya itu nanti dikongsi oleh ramai masyarakat kita. Maknanya, hasil daripada pendapatan tersebut akan digunakan untuk kebajikan umat Islam, malah juga untuk orang bukan Islam.

Saya ingin menyarankan supaya Jabatan Agama Islam Wilayah bukan sahaja mempertingkatkan lagi kegiatan menjaga kebajikan umat Islam yang dhaif tetapi juga kepada orang-orang yang bukan Islam. Ini juga salah satu cara dakwah yang berkesan.

Saya lihat bagaimana Rotary Club, Lions Club dalam setengah-setengah tulisan yang saya baca ada mengatakan ia ada mempunyai matlamat-matlamat tertentu. Sebab itu kita lihat apabila Rotary Club memberi kerusi roda kepada orang cacat yang kebetulannya orang cacat ini beragama Islam, manakala orang Islam yang berada, jabatan yang berkemampuan mengambil masa yang lambat untuk memberikan sumbangan kepada orang-orang yang daif, seperti berlaku bencana alam di mana ada rumah kita yang terbakar. Bagi orang cacat yang saya sebutkan tadi, ada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang tidak bernaung di bawah agama tetapi atas nama 'charitable organisations', kelab sukarela, tetapi orang yang menerima ini merasakan mereka ini diberi

perhatian, mereka dikasihi, mereka disayangi maka dengan sendirinya mereka akan didekati.

Kalau pertubuhan ini mempunyai matlamat di sebalik itu seperti gerakan-gerakan, saya tidak mahu sebutlah, mungkin sensitif, sudah barang tentu ianya boleh merugikan Islam. Sebab itu saya harap Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan memberi perhatian yang serius dalam hal ini. Saya menyatakan hal ini kerana Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam adalah institusi yang paling atas yang harus menjadi model kepada kesucian agama Islam. Sebab itu kita akan merasa dukacita kalau kita dengar Jabatan Agama Islam berniaga rugi, duit hilang kerana hendak beli saham seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Rahim Baba tadi. Jadi, aiblah kita sebagai orang Islam. Aib tahu? Malu! Sebagai orang Islam mana hendak letak muka? Aib!—"a-i-b"—malu! Kalau tanya saya, "there is no excuse at all", tidak ada tolak-ansur langsung bagi Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam untuk menjaga kewibawaan ini, kredibiliti ini dan kakitangannya seperti saya katakan tadi semuanya mesti amanah, ikhlas, transparent. Jangan pula Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atau Majlis Agama Islam Negeri-negeri ini sama dengan cerita skandal Bank Bumiputera dahulu, tiada bezanya. Jadi, tentulah tidak baik sebab kita gunakan nama Islam.

Sebab itu saya sebutkan tadi, di Kelantan kerana dia gunakan nama Kerajaan Islam—Kerajaan Islam Kelantan—jadi dia kena jaga segala-galanya supaya tidak ada cacat-cela. Berbeza dengan Barisan Nasional yang

memerintah Kerajaan Pusat pun mendukung dan menegakkan cita-cita Islam tetapi oleh kerana tidak menggunakan nama lebih seperti mana PAS guna, kalau ada sedikit sebanyak kelemahan, tidaklah teruk sangat dari segi kredibiliti kita.

Macam Majlis Agama Islam Kelantan tidak ada apa pun dari segi kegiatan-kegiatan ekonomi yang boleh menambahkan pendapatan untuk membantu kebajikan umat Islam yang dhaif selain daripada menerima duit zakat fitrah. Hasil-hasil ini sahaja. Kalaulah Jabatan Agama Islam ataupun Majlis Agama Islam semata-mata hanya menunggu kewangan daripada kutipan zakat fitrah dan juga geran daripada kerajaan tentulah ia tidak boleh dimajukan. Tetapi ia boleh dimajukan kalau kita cari sumber-sumber lain dan sumber-sumber ini banyak di negara kita yang tidak berisiko tinggi. Jangan berniaga. Ini buat baterilah, buka pasar rayalah, nanti buka pasar malam pula dan akhirnya buat 'burger' pula nanti. Ada pula Majlis Agama Islam buat burger, dapat francais Ramly Burger, dapat francais benda-benda macam ini tentulah tidak elok. Yang pentingnya, saya katakan tadi tumpu kepada pelaburan (investment) dan boleh berniaga dengan Tabung Haji. Saya percaya Jabatan Agama Islam dan Majlis Hal Ehwal Agama Islam boleh bekerjasama dengan Tabung Haji. Tabung Haji sekarang ini satu konglomerat yang besar, satu empire perniagaan yang cukup berjaya, dengan perniagaan harta. Perniagaannya sudah melebihi ribuan juta ringgit; urusan menunaikan haji, umrah dan untuk itu macam-macam keperluan disediakan

oleh Tabung Haji, beg untuk naik haji, macam-macam sampai kain sejadah, kain sembahyang, kain umrah, makanan. Ada pula ladang-ladang kelapa sawit, ladang getah, side aktiviti dibuat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini sepatutnya diberi keutamaan kepada syarikat-syarikat di bawah Jabatan Agama Islam dan juga Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, biar ada rangkaian ini. Kerjasama di kalangan pihak ini pun sudah bergunung boleh buat duit. Tak payah lagi buat bateri. (*Ketawa*) Ada pula buat bateri. Kalau tidak ada kepakaran tentulah boleh merugikan pelaburan seumpamanya ini. Sebab itu saya beri contoh sahaja. Saya hanya beri pandangan supaya perkara ini mendapat perhatian pihak Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Pusat Islam mengawal selia Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja, atas masa yang diberi, saya ucap terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Hajah Zaleha.

5.12 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993.

Saya dengan rasa penuh syukur ke hadrat Allah S.W.T. mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah pun berjaya membentangkan satu

akta yang amat berguna kepada umat Islam pada masa hadapan. Kita yakin Tuan Yang di-pertua, Majlis Agama Islam ini adalah satu institusi Islam yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus harta zakat dan Baitulmal umat Islam, termasuk kewangan Islam bagi faedah orang Islam mengikut hukum syarak.

Saya amat bersetuju dengan rang undang-undang ini dalam Fasal 2 yang telah memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam menubuhkan syarikat dengan tidak begitu menghadapi perkara yang rumit dalam membuat penubuhan syarikat dan Majlis boleh menubuhkan syarikat ini. Bagi saya perkara ini amatlah baik dan saya memberi sokongan, asalkan ianya tidak mengabaikan tugas dan tanggungjawab asas Majlis Agama Islam itu sendiri. Kerana pada saya penubuhan syarikat ini ia merupakan satu pengembangan yang bukan hanya di bidang pentadbiran keagamaan semata-mata, bahkan Majlis Agama Islam juga dapat mengembangkannya di bidang ekonomi. Dengan ini, dalam era Malaysia menuju Wawasan 2020, Majlis Agama Islam melalui syarikat yang ditubuhkan ini perlulah, bukan sahaja perlu, malah boleh menggerakkan aktiviti ekonomi dalam bidang industri, perdagangan dan lain-lain yang lebih canggih dan moden serta berteknologi tinggi.

Kita mahu melihat institusi-institusi Islam yang dinamakan Majlis Agama Islam ini akan bangun dengan gagahnya di sebuah negara industri yang maju seperti Malaysia ini sebagai sebuah institusi Islam yang dapat menubuhkan syarikatnya yang mempunyai sokongan kemudahan dan perkhidmatan serta kewangan yang menyeluruh yang canggih, dan di

samping itu, keperluan utama, bagi syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam ini ialah supaya berusaha sedaya mungkin untuk membina sistem kewangan Islam yang dapat mengelakkan syarikat ini daripada dilema keraguan yang terlibat dengan amalan-amalan riba dan lain-lain amalan yang ditegah oleh syarak.

Syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam ini hendaklah mencerminkan ciri-ciri keislamannya, iaitulah yang paling utama ialah mestilah amanah, dedikasi serta menggalakkan perkara yang makruf. Pada saya, pengembangan syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam ini walaupun buat bateri atau buat apa pun, pada saya yang penting ialah mempunyai ciri-ciri keislaman yang dapat mencerminkan nilai-nilai murni Islam itu yang dipertunjukkan melalui syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam.

Sehubungan ini, saya ingin mendapat penjelasan apakah bentuk syarikat yang telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam ini, dan siapakah Lembaga Pengarah syarikat-syarikat ini, dan siapakah pemegang-pemegang sahamnya? Saya juga ingin mengingatkan, kalau tadi Yang Berhormat Tuan Rahim Baba dan Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali menekankan dalam soal tenaga-tenaga mahir dan kepakaran-kepakaran dalam bidang ekonomi dan juga dalam bidang perniagaan, saya ingin menekankan juga walaupun ada kepakaran di bidang perniagaan dan bidang ekonomi, tetapi jangan lupa bahawa syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam ini juga perlu mempunyai cendekiawan dan tenaga-tenaga mahir di bidang ekonomi Islam yang lebih penting.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya ingin menjelaskan juga dalam masalah syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam ini yang saya ada keraguan dan membimbangkan ialah bagaimana kalau syarikat ini mengalami sesuatu perkara yang tidak diingini seperti pecah amanah serta mengecewakan golongan-golongan yang memerlukan kepada pembelaan daripada institusi Islam ini? Kalau tadi Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah menyatakan bahawa lapan asnaf, iaitu mereka yang benar-benar berhajat supaya mereka terdiri dari lapan asnaf ini dibela dan mendapat sumbangan-sumbangan yang begitu baik daripada Majlis Agama Islam.

Jadi, saya bimbang apakah syarikat yang ditubuhkan ini sudah pastilah tiap-tiap syarikat yang ditubuhkan ianya memerlukan satu keuntungan yang besar ataupun mencari keuntungan. Dalam mencari keuntungan ini, saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Majlis Agama Islam ini siapakah yang mendapat keuntungan ini dan siapakah yang benar-benar mempunyai kepentingan dalam keuntungan-keuntungan yang dicapai daripada syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam ini. Saya amat mengharap di dalam Majlis yang mulia ini supaya apa yang berlaku, rekod-rekod yang kurang memuaskan yang telah berlaku dalam akhbar baru-baru ini tidak akan berlaku lagi pada dalam masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya juga ingin menyentuh dalam soal fasal 3 mengenai kuasa pendakwa syarie. Saya juga bersependapat

dengan Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Mahkamah Syariah di seluruh negara yang telah pun pada pandangan kami yang telah pun menjalankan tugas mereka dengan penuh keadilan dan juga telah pun meletakkan hukuman seperti yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. dengan izin, (*Membaca dalam bahasa Arab*), ertinya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil".

Jadi, apa yang berlaku di Mahkamah Syariah di negeri Kelantan, saya harapkan kepada Mahkamah Syariah termasuklah pendakwa-pendakwa syarie supaya berhati-hati supaya Mahkamah Syariah tidak boleh dipolitikkan oleh mana-mana pihak. Mahkamah Syariah hendaklah bersih daripada sebarang pengaruh-pengaruh yang boleh mempengaruhi sesuatu keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah, kerana kalau ini yang berlaku ia boleh menjejaskan nama baik dan boleh menjejaskan kemurnian Mahkamah Syariah itu sendiri. Saya mengharapkan supaya Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negara ini akan benar-benar dapat melaksanakan tugas dan keadilan mereka dengan penuh dedikasi dan bersandarkan kepada Allah S.W.T.

Di samping itu, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada JAWI dan Majlis Agama Wilayah Persekutuan yang nampaknya begitu sekali mengambil berat tentang masalah pencegahan maksiat di

kalangan muda-mudi di dalam bandar Kuala Lumpur. Saya dapati penguatkuasa daripada Majlis Agama Islam dan juga daripada Jabatan Agama Wilayah Persekutuan begitu prihatin meronda di setiap tempat-tempat sunyi yang diduduki oleh kaum-kaum muda-mudi daripada melakukan sebarang maksiat. Dan ini adalah sesuatu yang paling pada saya ini adalah suatu tugas yang paling baik yang dilaksanakan oleh pihak jabatan agama dan juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Cuma saya ingin bertanya mendapatkan penjelasan, apabila mereka ini ditangkap ataupun dikenakan tindakan, apakah pihak kita ataupun Majlis Agama Islam hanya melepaskan mereka begitu sahaja ataupun kalau boleh saya ingin mencadangkan supaya kalau dapatlah kerjasama daripada Majlis Agama Islam dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ataupun kementerian-kementerian yang terlibat, supaya dapatlah mereka ini diberi didikan ataupun mereka ini diberi ilmu-ilmu Islam, dibimbing, supaya menjadi manusia yang berguna kepada negara dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini ialah mengenai tugas Majlis Agama Islam juga dalam soal-soal ada satu bidang dalam Majlis Agama ini ialah bidang yang dinamakan Pendidikan Agama Islam. Saya dapati banyak juga ajaran-ajaran yang boleh dikatakan ajaran kalau saya hendak katakan sesat tetapi bolehlah juga dikatakan songsang yang berlaku di dalam bandar-bandar

khususnya di bandar-bandar besar, bukan sahaja diluar-luar bandar tetapi di dalam bandar misalnya ada pengajaran-pengajaran agama secara ringkas, ertinya pengajaran agama secara ringkas ada saya difahamkan, ada satu ajaran yang kononnya sembahyang ini hanya dengan niat sahaja, sudah jadi sembahyang. Dan ini memang disukai oleh golongan muda mudi kononya tidak payah lagi mengadakan ibadah sembahyang itu seperti yang telah dikehendaki oleh Allah S.W.T. dan Rasulullah s.a.w.

Perkara ini berlaku menular, dan saya mohon supaya pihak Majlis Agama Islam dan juga Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan membuat kajian dan juga membuat penyiataan terperinci supaya perkara ini tidak akan terus berlaku dan menular kepada masyarakat Islam kita. Selain daripada kita mengejar keagungan dan juga keuntungan di bidang ekonomi, Majlis Agama Islam juga harus ingat, tugas mereka sebagai pendakwah, tugas mereka sebagai yang telah dipertanggungjawabkan menjaga dan mengawasi mengenai perkara-perkara yang melibatkan agama Islam di dalam negeri khususnya di Wilayah Persekutuan ini adalah penting.

Pada saya, seperti juga fahaman kedua-dua rakan-rakan saya tadi, saya memohon kepada pihak Majlis Agama Islam supaya tanggungjawab asas mereka adalah penting supaya mereka akan lahir sebagai sebuah institusi Islam yang berjaya dibidang, menerapkan nilai-nilai Islam kepada umat Islam di Wilayah Persekutuan dan juga di kawasan-kawasan yang berada di bawah tanggungjawab mereka.

Di samping itu saya mengucapkan tahniah juga kepada phak Majlis Agama Islam yang telah pun berjaya menubuhkan syarikat-syarikat yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undnag-undang suatu Akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1963. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Kamilia.

5.25 ptg.

Puan Kamilia bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk berbahas usul ini. Saya ingin membuat sedikit pandangan dan juga cadangan kepada Rang Undang-undang yang telah dibentangkan, tetapi sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, jika boleh, Dewan memberi atau menyediakan kepada kami akta-akta ibu atau akta-akta ibu yang mana ada mempunyai kaitan bagi pindaan undang-undang yang dibentangkan.

Jika ianya merupakan masalah jika Akta ibu terlalu tebal, adalah lebih menyempurnakan kerja-kerja kami jika dapat diberi seksyen-seksyen yang relevan untuk dijadikan bahan rujukan. Misalannya dalam Rang Undang-undang ini, seksyen 7 ia menyatakan tentang pindaan kepada subseksyen 58 (2). Jadi, yang ada disebut di sini ialah perkataan 'dan' dan '.' dan (b) selepas menjalankan perkataan dan memberhentikan dan dalam huraian ianya memberikan memperjelaskan kuasa Ketua Pendakwa Syarie, adalah

menjadi masalah untuk kita memahami apa sebenarnya implikasi kepada pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang yang telah dibentangkan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang setakat ini pada apa yang saya lihat, dalam mereka membentuk syarikat dan menjalankan syarikat-syarikat mereka, mereka telah berjaya terutamanya syarikat yang telah dijadikan sebagai sebuah Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan.

Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan ini adalah salah satu daripada syarikat-syarikat yang mana telah merupakan satu kejayaan yang besar kepada Majlis Agama Islam bukan sahaja dari segi pendapatan kewangan tetapi juga telah mempertingkatkan syiar Islam di Wilayah Persekutuan jika tidak di seluruh negara dan selain itu juga ianya juga telah menunaikan salah satu daripada fardu kifayah, apa yang perlu dilaksanakan oleh pemerintah Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Fasal 4 pindaan seksyen 59 iaitu mengenai penerimaan Peguam Syarie. Apa yang telah dinyatakan di sini ialah bagi penerimaan seseorang Peguam Syarie untuk dapat mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding Mahkamah Syariah, ianya perlulah mempunyai pengetahuan yang mencukupi. Dan juga pihak majlis akan membuat kaedah-kaedah. Inginlah saya mencadangkan bahawa kaedah-kaedah yang akan digubalkan nanti, akan merupakan juga etika kepada Peguam-peguam Syarie yang akan mengendalikan kes-kes di Mahkamah Syariah.

Saya mencadangkan piawaian yang tinggi perlulah dijadikan kaedah-kaedah tersebut kerana Peguam Syarie bukan sahaja merupakan satu profesion yang akan mengamalkan prinsip-prinsip Islam tetapi juga aspetasi umat Islam dan juga bukan Islam juga adalah amat tinggi. Dan perlu juga kita menjadikan Peguam-peguam Syarie ini sebagai peguam-peguam contoh yang mana kita harapkan apa peraturan-peraturan dan pengendalian, kes-kes di Mahkamah Syarie akan menjadi satu contoh kepada amalan guaman jika tidak pun di Mahkamah Sivil tetapi ianya akan merupakan satu garis panduan untuk mereka di luar Mahkamah Syariah, dijadikan satu contoh.

Dan juga saya ingin mencadangkan dalam penggubalan kaedah tersebut, perlulah juga selain daripada melihat kepada pengetahuan dan kelulusan, perlulah juga dilihat kepada perilaku seseorang peguam itu kerana salah satu garis panduan yang boleh digunakan ialah kerana kebanyakan peguam-peguam yang menjadi peguam Syarie mungkin juga adalah merupakan Peguam-peguam yang menjadi Ahli Majlis Peguam.

Jadi, rekod mereka di Majlis Peguam perlulah juga diambil kira sebelum diterima sebagai seorang peguam syarie. Perkara ketiga, tentang kaedah ini, sukalah juga saya mencadangkan bahawa kaedah-kaedah yang akan digubal nanti akan juga memuktubkan perkiraan caj yang akan dikenakan kepada anak-anak guam yang akan mengambil peguam syarie kerana ini mungkin juga ada dalam Akta Profesion Peguam yang ada, tetapi saya juga mencadangkan bahawa

bagi peguam syarie 'fee' yang akan dikenakan juga akan dikira dan dijadikan sebagai kaedah. Kerana kita sedia maklum bahawa kebanyakan kes-kes yang akan dibawa ke mahkamah syariah adalah merupakan kes-kes yang melibatkan perceraian dan tuntutan nafkah dan kes-kes sebegini adalah selalu melibatkan wanita-wanita. Sehingga ke tarikh ini kebanyakan wanita yang bernasib malang ini adalah mereka yang tidak mempunyai kekuatan ekonomi yang tinggi.

Keempat, mengenai dengan kaedah-kaedah ini, saya juga ingin mencadangkan bahawa kaedah-kaedah yang akan digubalkan nanti akan mempunyai peruntukan-peruntukan yang membolehkan pengawasan dan penyeliaan yang berkesan kerana tanpa pengawasan dan penyeliaan yang berkesan, maka kaedah-kaedah itu tidak akan memberi manfaat yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membuat dua cadangan, iaitu memandangkan banyaknya kes-kes syariah yang timbul sekarang, terutamanya di Wilayah Persekutuan, saya ingin mencadangkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mewujudkan satu Biro Bantuan Guaman Syariah. Buat masa ini di Jabatan Peguam Negara, kita ada Biro Bantuan Guaman yang mana seperti saya sedia maklum memang ada satu biro bantuan guaman, tetapi saya ingin mencadangkan supaya Majlis Agama Islam sendiri mewujudkan satu biro bantuan guaman syariahnya sendiri. Ini ialah untuk memudahkan kes-kes mahkamah syariah dikendalikan terus oleh Majlis Agama Islam itu sendiri, jika tidak, Majlis Agama Islam

mewujudkan satu Yayasan Bantuan Guaman Syariah untuk membantu mereka yang terlibat dalam kes-kes syariah, terutamanya dalam bayaran guaman.

Keduanya, saya ingin mencadangkan supaya Majlis Agama Islam mewujudkan satu Majlis Penasihat Wanita Islam, iaitu di mana satu kumpulan wanita-wanita yang berpengetahuan dalam agama Islam dan hukum syarie dikumpulkan sebagai satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai satu Majlis untuk sama-sama memberikan pandangan dan juga memberikan cadangan-cadangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal Islam. Ini adalah, terutamanya bagi perkara-perkara yang melibatkan wanita, kerana buat masa sekarang ini, banyak masalah-masalah tentang tafsiran al-Quran tentang status wanita seperti baru-baru ini ada kumpulan-kumpulan, misalnya daripada "Sisters in Islam" yang telah banyak memberi tafsiran-tafsiran yang mungkin bercanggah dengan hukum mengenai kedudukan wanita dalam Islam, terutamanya dalam pembahagian harta pusaka.

Jadi, saya berpendapat bahawa sudah sampailah masanya kita mewujudkan satu Majlis Penasihat Wanita Islam yang hanya menumpukan kepada isu-isu, terutamanya mengenai hal ehwal wanita Islam. Kita berharaplah dengan adanya majlis yang sebegini, perkara-perkara yang hanya tertumpu kepada hal ehwal wanita itu dapat perhatian yang tertentu dan seterusnya kita dapat mengeluarkan pandangan-pandangan yang sepatutnya dan selaras dengan hukum Islam.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja saranan dan cadangan saya. Dengan ini, saya sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad:
Dijemput pihak Menteri menjawab.

5.35 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhammad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang seramai empat orang membahaskan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Pindaan). Jadi, di atas pandangan-pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat seramai empat orang tadi, iaitu Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali, Yang Berhormat Hajah Zaleha Hussin dan Yang Berhormat Puan Kamilia, akan diambil perhatian. Walau bagaimanapun, saya cuba menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan yang mana saya fikir perlu saya berikan penjelasan.

Pertama, mengenai Akta ini iaitu Perkara 8a, sebenarnya kalau kita lihat kepada akta induk, memang tidak ada banyak perbezaan, hanya kita memasukkan untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965, yang lainnya serupa. Perkara ini dimasukkan kerana hendak membuat penjelasan yang lebih tegas supaya boleh menjalankan perniagaan itu dengan nyata melalui perniagaan yang diberi. Akta yang datang pun kita boleh, sebab Majlis Pentadbiran ini membuat perniagaan adalah ber-

dasarkan kepada Akta yang asal, sebab akta yang asal itu membolehkan, di antaranya apabila mendapat kelulusan dari Yang di-Pertuan Agong, ataupun dia boleh untuk melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan, sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949, ini termasuk di bawah Perkara 7(2)(d). Tetapi perkara ini masih diragui dan dibangkitkan, maka sebab itulah pindaan yang sedemikian rupa pun dibuat dan dengan sebab itulah kita tidak ragu-ragu mengatakan bahawa apa sahaja syarikat yang telah ditubuhkan dahulu adalah sah dari segi undang-undang.

Selain dari itu, saya hendak menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba berkaitan dengan meminta supaya lebih berhati-hati dalam menggunakan kewangan Majlis dalam perniagaan. Kedua, wang Majlis hendaklah digunakan dalam hal-hal sosial sahaja. Ketiga, berlaku kerugian dalam pelaburan 5 syarikat, selepas itu mengenai soalan pelaburan RM2 juta dalam Petronas. Sukalah saya menjawab di sini bahawa adalah menjadi salah satu fungsi atau pun tugas Majlis melabur bagi meningkatkan status ekonomi masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan. Ianya dibenarkan oleh Akta 505 iaitu akta induk seperti yang saya nyatakan tadi. Syarikat-syarikat yang rugi adalah semasa recession, dengan izin. Bermakna masa itu, kita rugi dan di antara syarikat yang kita buat ketika itu ialah misalannya membuat mee. Ketika itu ramai orang membangkitkan bahawa mee yang dibuat oleh

kompeni yang lain agak tidak begitu suci untuk dimakan. Maka sebab itulah pihak Majlis meluluskan supaya kita membuat satu perniagaan dalam bidang itu tetapi apabila pihak Pusat Islam membuat siasatan, didapati mee yang dibuat itu adalah halal. Jadi, dengan sendiri apa yang kita buat itu tidak begitu bermutu dengan yang dahulu, maka kita telah sedikit-sebanyak menanggung kerugian.

Di antara syarikat-syarikat yang telah rugi ini, kita sedang dalam proses untuk membuat pembubarannya. Walau bagaimanapun, banyak di antara syarikat-syarikat yang ditubuh itu mendapat keuntungan yang mana syarikat-syarikat itu adalah ditadbirkan oleh golongan profesional serta pakar seperti Pusat Rawatan Islam. Alhamdulillah, berjalan dengan baik dan mendapat keuntungan. Harta Suci Sdn. Bhd., Institut Profesional Baitulmal dan sebagainya. Ini adalah di antara syarikat-syarikat yang berjalan dengan baik dan untung.

Adatlah kita berniaga, ada syarikat yang rugi dan ada syarikat yang untung. Pada kiraannya, kita alhamdulillah. Mana yang rugi kita akan tutup supaya tidak berterusan kerugiannya mana yang untung kita akan teruskan lagi dan insya-Allah penubuhan syarikat-syarikat di masa akan datang kita akan fikir dengan sebaik mungkin apakah perkara-perkara yang hendak diceburi.

Sebenarnya syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis adalah dalam bidang asasi dalam Islam iaitu kita berdasarkan kepada kesihatan sebab itu kita adakan Pusat Rawatan Islam, pelajaran, makanan, kediaman, pakaian, perumahan dan sebagainya.

Ianya adalah digalakkan oleh Islam dan kadangkala ada di antara syarikat-syarikat yang kita ceburi itu merupakan fardu kifayah kepada orang-orang Islam. Jadi, kalau kita kata joint-venture Taman Baitulmal telah mengalami kerugian, sebenarnya kita tidak rugi. Bahkan kita telah mendapat keuntungan lebih daripada RM4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya punca wang yang digunakan dalam penubuhan syarikat-syarikat yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba adalah dari sumber am. Yang banyak kita gunakan adalah dari sumber am. Jika kita hendak menggunakan wang zakat, maka kita perlu mendapat fatwa daripada mufti terlebih dahulu, baru kita gunakan.

Mengenai kes RM2 juta yang Majlis laburkan dalam saham PDB, yang mana kita gunakan wang daripada Arab Malaysian Securities, sebenarnya kita telah dapat balik wang sebanyak RM2 juta itu dan kita tidak menanggung apa-apa kerugian. Perkara ini berlaku kerana khianat dan pecah amanah pihak remisier dan juga salah seorang kakitangan dari jabatan. Maka, perkara ini sedang dalam mahkamah. Kita mengharapkan orang yang pecah amanah itu akan dihukum.

Selain daripada itu, sama ada mahkamah boleh mengeluarkan perintah sementara untuk penjagaan anak-anak dan nafkah. Untuk makluman Yang Berhormat, mahkamah boleh mengeluarkan perintah sementara penjagaan anak dan nafkah. Ini ada peruntukan di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.

Mengenai sama ada wanita tahu haknya ke atas harta sepencarian semasa perkahwinan, ini juga ada di bawah Akta Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan mengenai hak-hak kedua belah pihak ke atas harta sepencarian yang didapati semasa perkahwinan. Inilah di antara perkara-perkara yang saya boleh jawab daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Yang kedua, saya pergi kepada masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Ibrahim bin Ali. Pertama, saya berterima kasih kerana membangkitkan perkara-perkara berkaitan di Kelantan. Yang saya hendak jawab ialah di antaranya soalan melibatkan perniagaan dalam sektor yang tidak berisiko tinggi. Kita pilih mana-mana perniagaan yang risikonya tidak tinggi. Sebenarnya pada masa ini, amalan yang digunakan oleh Majlis dalam aktiviti perniagaan ialah dalam sektor yang tidak berisiko tinggi. Di antara perniagaan-perniagaan dan syarikat-syarikat yang kita masuk itu bukanlah berisiko tinggi dan insya-Allah di masa-masa akan datang, kita akan fikirkan mengikut kemampuan kita. Syarikat yang dahulu, yang saya sebutkan tadi, tidak ada apa-apa perniagaan yang berisiko tinggi dan di antara yang kita masuk itu memanglah kita mendapat keuntungan.

Selain daripada itu, menyentuh mengenai sama ada boleh kita menolong orang bukan Islam dan memang ada peruntukan dalam undang-undang. Sememangnya Majlis boleh membantu orang-orang yang bukan Islam mengikut keadaan-keadaan yang dibolehkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menjelaskan daripada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin. Di antara soalnya, "apakah bentuk syarikat? Siapakah ahli lembaga pengarahnya? Siapa pemegang saham?" Syarikat yang kita tubuh ini, kita daftar di bawah Akta Syarikat 1965. Pemegang saham keseluruhannya 100% dipegang oleh Majlis. Ahli lembaga pengarahnya terdiri daripada ahli-ahli ekonomi, perundangan, ulama dan juga pentadbiran. Kita memang pilih orang-orang yang mempunyai kebolehan untuk menentukan apakah syarikat-syarikat yang kita hendak masuk.

Dalam kes orang-orang yang buat maksiat, memanglah selain dari menangkap mereka, kita juga menempatkan mereka. Contohnya, kalau mereka ditangkap kerana khalwat, apatah lagi kalau bawah umur dan sebagainya, kalau sudah dikenakan hukuman, kita akan hantar ke pusat pemulihan akhlak di bawah kelolaan Majlis. Pusat berkenaan dikenali sebagai 'Darul Sa'adah', cakap Arabnya, 'Rumah Bahagia', cakap Melayunya.

Jadi, kita letakkan di sana, diberikan pengajaran Islam dan juga mengajak mereka supaya insaf dan bertaubat di atas perkara-perkara yang dilakukan. Inilah satu pendekatan secara Islam yang lebih bagus, yang lebih baik. Kalau kita hanya semata-mata membiarkan mereka ini apabila melakukan kesalahan tetapi kita lebih mendekati mereka supaya mereka mendekati semula kepada ajaran-ajaran Islam. Inilah di antara yang kita buat.

Mengenai ajaran sesat, memanglah banyak ajaran sesat dan saya tidak hairanlah kadang-kala perkara-perkara ini orang yang agak tahu mengikut juga ajaran sesat. Sesetengahnya yang melakukan ini kerana kepentingan diri, berkehendakkan kepada pengikut-pengikut dan setengahnya pula memang sengaja untuk menyesatkan orang lain, jangan sahaja dia seorang yang sesat.

Memang saya sedar, ada di antara golongan yang suka kepada ajaran agama secara ringkas. Ada di antara mereka hanya mentafsirkan Quran tanpa mendapat penjelasan daripada hadis. Kalau kita lihat daripada ayat Quran, surah "Al Hijr" ayat 99, firman Allah yang bermaksud, "Sembahlah Tuhanmu hingga sampai kepadamu keyakinan". Kalau kita tidak dapat penjelasan daripada hadis, maka sudah barang tentu orang ini tidak perlu lagi bersembahyang. Sebab apabila sahabat mendengar apakah yang dimaksudkan dengan 'al-yakin'? Di antara sahabat-sahabat sendiri bertanya di antara mereka, 'apakah yang dimaksudkan dengan 'al-yakin'? Kalau kita ikut tafsiran ini, maknanya kalau kita menyembah Allah S.W.T., apabila kita sampai kepada keyakinan tentang kewujudan Allah S.W.T. kita terus tidak payah sembahyang lagi. Itu kalau tafsiran secara luar tetapi apabila sahabat menanya kepada Rasulullah, "Ya Rasulullah, apakah yang dimaksudkan dengan 'al-yakin'?" Rasulullah terus menjawab, "Al-yakin maksudnya ialah mati ataupun ajal".

Sebab itulah kita mesti dan wajib menyembah Allah Ta'ala hingga kita mati. Tetapi kalau kita mengambil fahaman tadi, ertinya kita menyembah

Tuhan sehingga datang keyakinan, mungkin kita telah mengaku kita datang keyakinan kewujudan Allah, kita tidak payah sembahyang lagi.

Inilah di antara ajaran sesat yang banyak dibawa oleh orang. Kalau mengikut ini, maknanya tak payahlah—dia niat sahaja. Dalam kelambu pun boleh niat sembahyang, sebab dia sudah yakin kewujudan Allah.

Sebab itulah dalam hal ini kita wajib menggunakan hadis bagi mendapatkan penjelasan mana yang tidak jelas apa-apa erti atau maksud di dalam Al-Quran itu sendiri. Inilah di antara perkara-perkara pokok yang penting kita ambil perhatian.

Selain daripada itu, saya juga ingin menjelaskan mengenai dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia. Akta ibu ini, minta maaf, kita tidak dapat membekalkan, tetapi di kedai ada jual. (*Ketawa*) Saya kira, apabila, kita hendak membahaskan Rang Undang-undang, memanglah di antara orang yang cekap membahaskan undang-undang, dia mesti mencari akta ibu. Kita tidak mampu hendak menurunkan semua kehendak Akta ibu di dalam Akta Pindaan. Ia mesti ada Akta ibu. Itu terpulanglah.

Maknanya, seksyen 58(1), apa yang kita pinda semua ini ada di dalam Akta ibu, memanglah kita menyebutkan yang dipinda itu sahaja. Sebab, dalam perkara 58(1)(ii), bendanya seakan-akan. Hanya ia mengatakan:

"Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi

- *memulakan dan menjalankan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah*”.

Kita buang “dan”, bubuh “koma”. Selepas itu “menjalankan atau memberhentikan”. Itu sahaja kita masukkan. Sebab dahulu kita hanya membenarkan Ketua Pendakwa Syarie, dia hanya boleh memulakan dan menjalankan, tetapi tidak memberi peruntukan untuk memberhentikan.

Banyak kes-kes yang kita bawa ke Mahkamah, kita kalah kerana apabila kita sudah mengemukakan satu kes, kadang-kala kes itu tidak dapat hendak ditunjukkan bukti yang jelas.

Maknanya, sepatutnya Mahkamah atau pun Ketua Pendakwa Syarie boleh tidak diproceed atau diteruskan kes itu. Tetapi, dia terpaksa, apabila kes itu diambil, walaupun kita nampak tidak boleh menang, terpaksa juga diteruskan kerana tidak ada peruntukan “atau memberhentikan”.

Jadi, sebab itulah kita masukkan “memberhentikan”. Jadi, kalau kes itu kita tidak boleh habiskan, kita boleh minta sama ada hendak menyelesaikan di luar Mahkamah, sama ada kes ini boleh dibatalkan dan sebagainya. Jadi, sebab itulah kita berikan hak ini kepada Ketua Pendakwa Syarie.

Selain daripada itu, mengenai dengan kaedah-kaedah. Memanglah, kalau tidak salah anggapan saya. Yang Berhormat Puan Kamalia ini lulus undang-undang memanglah ini di antara kaedah-kaedah yang kita akan masukkan di dalam perkara-perkara mengenai dengan Hakim-hakim Syariah ini, hendaklah ada etika perilaku dan juga berbagai-bagai lagi

seperti masalah pembayaran dan sebagainya, memang kita ambil perhatian untuk menjalankan dalam Mahkamah ini.

Saya percaya, memanglah kita perlu kepada hakim-hakim dalam Mahkamah Syariah ini orang yang mempunyai perilaku terbaik sebagai contoh kepada yang lain. Insya-Allah, kita akan laksanakan semua itu.

Saya rasa itu sahajalah yang boleh saya beri jawapan. Mana-mana yang saya tidak jawab, kita akan catit, mana yang boleh dilaksanakan, insya-Allah, kita laksanakan dengan sebaik mungkin. Saya mengucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Hanipah bin Ahmad
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENJARA 1995

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

5.57 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahasa Majlis ini membahaskan satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Penjara 1995 bagi bacaan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menggantikan ketiga-tiga Ordinan Penjara yang dipakai pada masa ini iaitu Ordinan Penjara 1952 bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Penjara Sabah 1956 dan Ordinan Penjara Sarawak 1956. Ketiga-tiga Ordinan itu telah digubal sebelum merdeka dan undang-undang tersebut masih terpakai sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini perlu digubal berasaskan kepada beberapa faktor berikut:

- (i) Untuk mewujudkan keseragaman undang-undang kepenjaraan bagi seluruh Malaysia. Ini adalah kerana terdapat beberapa peruntukan yang tidak seragam di dalam ordinan-ordinan penjara tersebut sama ada dari segi undang-undang, kuasa penempatan banduan dan lain-lainnya. Undang-undang Penjara yang dicadangkan ini diyakini dapat mempertingkatkan kelicinan pentadbiran Jabatan Penjara keseluruhannya;

- (ii) Rang Undang-undang ini juga adalah untuk memasukkan peruntukan-peruntukan yang sesuai dengan keadaan semasa. Ketiga-tiga Ordinan Penjara yang diterimapakai pada hari ini telah digubal sebelum negara mencapai kemerdekaan. Di samping itu, Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk mengemaskinikan penalti di dalam undang-undang yang sedia ada;

- (iii) Cadangan Rang Undang-undang Penjara ini juga adalah untuk menyelesaikan dengan prinsip-prinsip kebebasan asasi, terutama dari segi layanan kepada banduan dengan mengambil kira fungsi penjara sekarang adalah lebih menekankan kepada pemulihan banduan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penjara 1995 yang dicadangkan ini meliputi lapan bahagian yang mengandungi sebanyak 68 Fasal dan 3 Jadual.

Izinkan saya memberikan penjelasan secara umum terhadap bahagian-bahagian dalam Rang Undang-undang Penjara ini iaitu seperti berikut:

Bahagian I mengandungi dua Fasal yang menghuraikan perkara-perkara permulaan seperti tafsiran perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-undang.

Bahagian II mempunyai tujuh Fasal menghuraikan tentang penubuhan dan pentadbiran penjara.

Fasal 3 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan mana-mana bangunan, kepungan atau tempat

atau mana-mana bahagiannya sebagai penjara.

Seksyen 4 menjelaskan lagi takrif takat penjara yang meliputi perkarangan dan bangunan dalam kepungan penjara dan perkarangan terbuka atau perkarangan lain yang dipunyai oleh Jabatan Penjara.

Seksyen 6 pula memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Penjara untuk mengasingkan penjara bagi mengkategorikan banduan bagi tujuan untuk menjalankan pemulihan terhadap banduan.

Fasal 8 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dengan persetujuan Menteri mengisytiharkan sesuatu tempat sebagai penjara sementara bagi tempoh tertentu apabila bilangan banduan dalam sesuatu penjara adalah lebih ramai daripada yang sepatutnya atau sekiranya meletus sesuatu penyakit dalam penjara atau bagi apa-apa sebab yang lain.

Fasal 9 pula menjelaskan bidang kuasa Ketua Pengarah Penjara berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan penjara tersebut termasuk penetapan dan pertukaran pegawai-pegawai penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi 16 fasal yang menghuraikan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pegawai. Fasal 10 mengadakan peruntukan untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong melantik Ketua Pengarah Penjara Malaysia. Timbalan Ketua Pengarah Penjara hendaklah dilantik daripada pegawai penjara. Pangkat pegawai kanan dan pegawai rendah penjara ada dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

Fasal II pula menjelaskan bahawa semasa ketiadaan dan ketidakupayaan Ketua Pengarah Penjara, fungsi Ketua Pengarah Penjara akan dijalankan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penjara.

Fasal 13 menjelaskan tentang tugas-tugas Ketua Pengarah Penjara dan Fasal 15 menjelaskan mengenai tugas dan tanggungjawab Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian dalam penjara.

Fasal 20 bertujuan mengadakan peruntukan bagi menjelaskan tanggungjawab Pegawai Penjara yang hendaklah mematuhi semua undang-undang bertulis, peraturan-peraturan dan perintah sah pegawai atasan.

Fasal 24 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Penjara untuk mendapatkan bantuan Polis Diraja Malaysia sewaktu berlaku keadaan darurat di dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV mengandungi 21 fasal yang menghuraikan tentang penjagaan dan pengalihan banduan. Peruntukan Fasal 26 menjelaskan mengenai penjagaan banduan di bawah pegawai yang menjaga penjara itu. Seseorang banduan hendaklah tertakluk kepada tatatertib penjara.

Fasal 31 diadakan bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Penjara untuk membawa keluar mana-mana banduan daripada penjara bagi tujuan perbicaraan, siasatan dan apa-apa kepentingan awam di Malaysia.

Fasal 37 diadakan bertujuan untuk membolehkan banduan yang mengalami sakit yang serius di dalam penjara dibawa ke suatu hospital kerajaan setelah mendapat perakuan daripada Pegawai Perubatan.

Fasal 45 menjelaskan bahawa banduan yang telah tamat tempoh tahanan memberikan kuasa kepada pegawai yang menjaga dengan persetujuan Ketua Pengarah Penjara untuk meluluskan bayaran tambang perjalanan kepada banduan ke tempat asalnya selepas mereka layak untuk dibebaskan

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V memperkatakan tentang penglibatan banduan dalam skim pekerjaan dan tatatertib banduan. Sebagaimana Yang Berhormat—Yang Berhormat sedia maklum, bahawa penjara sekarang ini lebih menekan kepada aspek pemulihan kepada banduan. Oleh itu, semasa dalam penjara banduan akan diberi pemulihan antaranya melalui mempertingkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti menggalakkan banduan bekerja. Tujuan diberikan kemahiran dan juga pekerjaan adalah untuk memperlengkapkan banduan bagi mendapat pekerjaan apabila dibebaskan kelak dan sedikit sebanyak dapat membantu kehidupan keluarga di rumah masing-masing. Banduan yang bekerja akan dibayar gaji yang sesuai. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa banduan tidak dipaksa untuk bekerja dan mereka yang dibenarkan bekerja dipastikan kesihatan mereka berada di dalam keadaan yang baik.

Dalam usaha ini, seksyen 48 diwujudkan untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi memperkenalkan skim pekerjaan untuk banduan.

Fasal 50 mengadakan peruntukan bagi membolehkan pegawai menjaga menghukum banduan yang didapati bersalah kerana melakukan kesalahan di dalam penjara. Ini bertujuan untuk

memastikan bahawa banduan ini mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak penjara.

Fasal 52 bertujuan untuk memberikan peluang kepada banduan yang melakukan kesalahan di dalam penjara untuk membela dirinya sebelum sesuatu hukuman dikenakan terhadap mereka.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV memperkatakan tentang kesalahan. Fasal 54 dan Fasal 55 dalam bahagian ini menjelaskan bahawa pembayaran wang atau balasan lain kepada seseorang pegawai yang bertugas di penjara oleh banduan atau oleh wakilnya merupakan satu kesalahan. Peruntukan ini diadakan bagi memastikan pegawai tidak menyalahgunakan kuasa mereka untuk mendapat habuan.

Fasal 56 menghendaki seseorang yang berhenti daripada bertugas sebagai pegawai penjara supaya menyerahkan kepada pegawai penjaga semua pakaian seragam, senjata dan kelengkapan lain. Kegagalan berbuat demikian adalah menjadi satu kesalahan.

Fasal 58 diwujudkan bagi mengatasi penyeludupan artikel yang dilarang ke dalam penjara dan Fasal 59 memperuntukkan suatu penalti am bagi kesalahan di mana penalti spesifik tiada diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII memperkatakan tentang kumpulan wang hadiah pegawai penjara. Fasal 60 menjelaskan tentang penubuhan

kumpulan wang hadiah pegawai penjara. Fasal 61 menyatakan maksud kumpulan wang hadiah itu boleh digunakan. Fasal 62 pula menetapkan bahawa kumpulan wang hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Hadiah Pegawai Penjara. Jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Pengarah Penjara sebagai Pengerusi, dua orang pegawai kanan dan dua orang pegawai awam yang akan dilantik oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII memperkatakan perkara-perkara am. Fasal 63 bertujuan mengadakan peruntukan bahawa pegawai penjara tertakluk kepada peraturan tatatertib. Fasal 64 bertujuan mengadakan peruntukan bagi melantik Lembaga Hakim Pelawat dalam setiap negeri termasuk Wilayah Persekutuan. Fasal 65 menyatakan tugas Lembaga Pelawat. Fasal 67 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan tujuan dan maksud akta yang dicadangkan. Fasal 68 memperkatakan peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan

Rang Undang-undang ini tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan wang tambahan atau penambahan perjawatan. Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Rang Undang-undang Penjara 1995 adalah berasas kepada keperluan untuk mewujudkan keseragaman undang-undang kepenjaraan bagi seluruh Malaysia serta memperkemaskan sesuai dengan keadaan semasa, faktor-faktor geografi dan integrasi nasional. Ianya juga bertujuan untuk mengemaskinikan peruntukan yang tidak lagi sesuai, yang

mana perlu dimansuhkan, dipinda atau memerlukan peruntukan tambahan.

Akhirnya pengwujudan Undang-undang Penjara yang baru ini adalah selaras dengan fungsi Jabatan Penjara sebagai pusat pemulihan dan sesuai dengan kebebasan asasi, dengan izin, fundamental liberties mengikut Perlembagaan Persekutuan serta wawasan negara bagi mewujudkan satu masyarakat ikram, dengan izin, caring society.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Penjara 1995 dibentangkan di Majlis ini bagi bacaan kali kedua dan dibahaskan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Mohd. Ali bin Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong Usul ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Penjara 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin, sila

6.10 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam sokongan kepada Rang Undang-undang Penjara 1995 yang telah dibentangkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memang wajar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pindaan ini dibuat kerana kita melihat segala yang lain telah berubah lama sebelum ini, setelah kita merdeka sampai 38

tahun tetapi yang penjara ini baru hendak berubah dan sesuaiilah kalau yang lain berkembang, daripada tak maju kepada maju, daripada tak canggih kepada canggih, penjara pun patut canggih sebab pesalah-pesalah pun tentunya semakin canggih. Barangkali kerana itulah kalau sebelum ini kita melihat cerita-cerita penjara ini, banyak perkara yang pelik tetapi benar kerana tidak ada keselarasan antara perkembangan di bidang lain ataupun di aspek-aspek lain dalam hidup masyarakat atau perkembangan masyarakat Malaysia yang semakin canggih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana contoh pelik tetapi benar itu?

Tuan Haji Hashim bin Safin: Ada di penjara tetapi bebas. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun tahu tetapi berminat hendak mengulangi. Kita pernah mendengar bahawa ada mereka yang didapati bersalah, di penjara tetapi bebas keluar, dapat layanan pesalah VIP, bebas berniaga, bebas 'ber. ' apa-apalah di luar dan banyak juga kita mendengar kisah-kisah penjara yang semacam tidak di dalam penjara. Bebas melakukan apa sahaja, semacam orang yang tidak dipenjarakan. Bebas berniaga dadah, ada pihak yang boleh membekal dadah. Ada pegawai yang terlibat dengan pembekalan dadah. Ada pesalah yang boleh berniaga dadah, masih boleh menghisap dadah. Ini tentunya ada sesuatu yang tidak kena dan eloklah di dalam kesempatan kelulusan pindaan Rang Undang-undang ini diberi perhatian yang sewajarnya supaya perkara-perkara yang pelik tetapi benar ini tidak berulang di dalam kisah-kisah penjara di Malaysia ini.

Saya yakin dengan pindaan ini dapat kita perbetulkan, dapat kita perbaiki dan dapat melihat apakah berdasarkan rekod yang telah berlaku tentunya berlaku itu ada sebab, tidak ada perkara berlaku tanpa sebab dan musabab Yang pastinya, saya yakin sebab-sebab kelemahan pihak-pihak yang mengendalikan sama ada kelemahan dari segi keimanan mahupun kelemahan-kelemahan, peraturan-peraturan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berbincang khusus mengenai Bahagian V Pekerjaan dan Tatatertib Penjara di mana banduan-banduan yang ditahan akan diberi peluang pekerjaan. Memang ini satu langkah yang baik dan tentunya masih ada ruang-ruang untuk diperbaiki ke arah lebih baik. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mencadangkan, yang saya fikir lebih baik kita lakukan. Antara sebab-sebab banduan ini ditahan kerana mereka melakukan kesalahan-kesalahan seperti mencuri, merompak ataupun secara khususnya, mungkin kerana tekanan ekonomi. Ini dengan kata lain, basic needs ataupun keperluan asas dari segi penghidupan itu adalah antara satu-satu sebab yang menyebabkan banduan-banduan ini melakukan kesalahan. Dengan kata lain, perlukan wang, perlukan fulus, untuk menyara hidup sama ada hidup secara asas ataupun hidup yang lebih baik kepada mereka.

Saya tidak pasti dari segi peratusan (percentage) kepada banduan tetapi saya yakin ramai golongan yang masih muda ataupun masih berguna kepada masyarakat dari segi tenaga fizikalnya dan kerana itu apakah pihak kementerian dapat pertingkatkan dari

segi pekerjaan dan latihan kepada banduan-banduan ini yang lebih canggih, yang lebih baik. Kalau sekadar mereka ini diberi pekerjaan, dapat pendapatan dan akhirnya selepas dibebaskan, dapatlah mereka mengumpul sedikit kewangan.

Apakah tidak ada perancangan oleh pihak kerajaan untuk memastikan mereka ini diberi latihan yang sewajarnya secara terancang melalui kerjasama dengan pusat-pusat latihan yang sedia ada, dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, mengikut bidang masing-masing seperti latihan jurueletrik, kerja-kerja seni bina, kerana banduan sekarang semakin canggih, memang ada otak ataupun kecerdikan, ada pelajaran, mungkin ada yang berpelajaran tinggi. Sekurang-kurangnya kalau sekarang yang berumur sekitar 20-an, saya yakin ramai yang sudah melampaui Tingkatan 5, SPM grade 3 yang drop-out atau yang tecicir, yang barangkali setelah mereka insaf di dalam penjara, diberi latihan secara terancang. Saya rasa insya-Allah, mereka ini selepas itu dapat kembali ke bidang yang lebih bererti dari segi sumbangan faedah kepada diri, kepada keluarga mereka dan tentunya kepada masyarakat bangsa kita.

Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah mereka ini diberi sijil, tentunya latihan itu sampai 2 tahunkah, 3 tahunkah atau 5 tahunkah, mengikut kes-kes tertentu. Kalau bekerja dalam masa 3 tahun, bekerja itu sahaja, sekadar cuci, bersihkan pokok bunga, cuci longkang, ini saya rasa tidak mencapai matlamat ke arah pemulihan, lebih ataupun masih kepada penderaan. Walaupun banduan ini

bersalah, tak payahlah kita dera, tetapi patut kita pulihkan, saya setuju benarlah. Tetapi biarlah pemulihan yang lebih bererti, yang lebih bermakna setelah mereka ini keluar, mereka dapat pergunakan ilmu, bukan sekadar kerja biasa, yang tidak akan memberi makna dan tidak bermanfaat kepada mereka selepas mereka keluar.

Kedua, dari segi pemulihan banduan-banduan iaitu pemulihan atau jaminan untuk mendapat peluang di segi ekonomi seperti peluang pekerjaan dan sebagainya.

Ketiga, pemulihan dari segi psikologi. Misalnya banduan-banduan (perogol), tentunya orang yang merogol ini ada penyakit, sebab dalam suasana biasa, orang tidak suka merogol, sebab dia perlu melalui proses suka sama suka, I love you, you love me, melalui proses romantik barulah mencapai ke tahap. . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin nampaknya pakar bercakap tentang ini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Hashim bin Safin: Saya mengalami. . . dan bila dengar 'merogol' kita takut. Setengah orang bila dengar 'rogol' dia syok. (*Ketawa*) Sebab perogol ini tentunya ada penyakit jiwa. Maksud saya tadi kalaulah banduan-banduan yang terlibat dengan rogol ini, kalau sekadar kita latih biasa, kerja sahaja, saya rasa dendaan, sekadar untuk insaf, insaf dia itu tidak akan bererti. Tetapi kalau kita kaji atau pakar-pakar ilmu jiwa kaji bagaimana mengubati pesakit jiwa yang suka merogol ini, dipulihkan mudah-mudahan selepas dia keluar nanti tidak akan berlaku rogol, tidak berlaku lagi kisah-kisah sedih.

Kadang-kadang kita dengar kejadian rogol terhadap kanak-kanak yang masih kecil, ini adalah kes aniaya, kanak-kanak yang berumur 9 tahun, 11 tahun—allah! Saya ingat budak mentah—itu sebabnya saya kata orang yang ada penyakit jiwa, Tuan Yang di-Pertua. Cuba kita lihat seperti anak kita umur 9 tahun, 10 tahun, tetap kalau yang besar mungkin lain ceritanya—Wallahuallamh.

Tuan Yang di-Pertua, semangat untuk memastikan mereka ini dipulih daripada mereka ini hanya didenda seolah-olah pihak penjara hendak melepas geram kepada orang yang bersalah, sebab kesalahan ini, mungkin terpaksa dilakukan, tersalah dilakukan atau kadang-kadang terdesak ataupun kadang-kadang tertuduh, tidak menggunakan peguam terus mengaku salah.

Maka kalau kita menggunakan konsep 'deraan' terus saya rasa tidak adil dari segi kemanusiaan. Jadi, semangat untuk memulih banduan ini adalah satu semangat yang wajar dipertingkatkan dan lebih baik kalau kita pertingkatkan ke arah yang lebih bererti di segi ilmu dan pengalaman yang mereka terima semasa dalam penjara.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua mengenai pegawai-pegawai ini juga. Saya tidak sempat meneliti secara keseluruhan, tetapi berdasarkan penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi, bahawa pegawai-pegawai ini memang dikawal di segi pendapatan dan tidak ada implikasi kewangan. Cuma saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kajian dibuat? Kenapa di kalangan

pegawai-pegawai yang ada terlibat sehingga sanggup menjadi pengedar dadah, sanggup membantu banduan-banduan tertentu untuk bebas dan sanggup bersubahat dengan banduan-banduan. Apa yang saya nampak, hanya satu punca ialah kerana kewangan, kerana duit.

Mungkin ada perkara-perkara yang perlu dikaji, apakah perbezaan disegi gajikah, sebab saya tidak meneliti secara detail atau keseluruhannya ataupun dari segi peluang-peluang naik pangkat, dari segi kemudahan-kemudahan, keistimewaan-keistimewaan pegawai-pegawai di penjara ini, yang menyebabkan mereka akhirnya kalah kepada tuntutan iman untuk bekerja dengan ikhlas dan jujur kepada jawatan yang mereka sandang.

Oleh kerana perkara jenayah ini memang tiada siapa yang berniat dilahirkan untuk melakukan kesalahan, mungkin kesalahan itu dilakukan oleh sebab-sebab tertentu yang perlu dikaji oleh pihak kerajaan atau kementerian untuk memastikan perkara-perkara ini tidak dilakukan oleh pegawai, kerana sebab musabab mereka ini terasa, hak-hak dan keistimewaan serta apa yang patut mereka terima itu tidak diterima. Akhirnya, mereka terdedah kepada godaan untuk menerima wang sama ada dalam bentuk apa sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah sedikit kesempatan yang telah saya gunakan untuk turut memberi pandangan ini di atas Rang Undang-undang Penjara 1995.

Dengan itu, saya menyokong agar pindaan ini akan dapat mempertingkatkan perkhidmatan dan juga

dapat menimbus kisah-kisah yang pelik tetapi benar, yang pernah berlaku di dalam penjara sebelum daripada ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

6.25 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Penjara 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin nyatakan, saya menyokong Rang Undang-undang ini seperti yang dinyatakan oleh rakan saya yang bercakap sebelum daripada saya tadi. Saya rasa inilah satu cara kerajaan kita yang insaf tentang perkembangan-perkembangan dalam negara kita ini sama ada dari segi sosial, ekonomi dan seterusnya dalam kes-kes yang tertentu di mana sebahagian daripada rakyat kita ini yang telah menyeleweng dan perlu mendapat jagaan khas khususnya dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, saya ingin juga memberi sedikit-sebanyak pandangan dari pengalaman sendiri pernah terlibat, bukan sebagai banduan, tetapi sebagai 'observer', dengan izin, apa yang berlaku kepada mereka yang menjadi banduan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka yang menjadi banduan adalah seperti yang disebut oleh rakan saya sebelum saya tadi, mereka yang

mungkin kurang iman dari kepercayaan mereka. Mungkin kurang iman dalam erti kata yang luas, bukan sahaja dari segi kepercayaan mereka kepada Tuhan ataupun Dia Yang Maha Esa, yang menciptakan kita manusia, tetapi juga kepercayaan kepada diri mereka sendiri, iaitu mereka mempunyai konsep 'kendiri' yang begitu rendah ataupun di sebaliknya, mereka tidak tahu apakah tanggungjawab mereka itu dan tidak dapat mengasingkan diri mereka dari keadaan-keadaan persekitaran di mana mereka mungkin terdorong oleh kerana sebab-sebab tertentu, misalnya kekurangan kemiskinan dan sebagainya.

Saya ingin sentuh perkara-perkara yang saya pernah lihat sendiri iaitu keadaan disebuah tempat di Kuching, Sarawak di mana kita ada sebuah tempat yang dinamakan 'Boys Home', di mana budak-budak yang di bawah umur 18 tahun yang pernah terlibat dalam kes-kes jenayah seperti mencuri. Ada juga yang cuba membunuh, ada juga yang pernah membunuh bersama-sama orang-orang yang lain. Apabila saya berbual-bual dengan mereka ini, nampak jelas sekali mereka tidak tahu apa dia nilai-nilai keharmonian itu ataupun apa dia ertinya kewujudan seorang manusia. Dia hanya menganggap dirinya wujud seolah-olah lebih kurang sama dengan kewujudan seekor haiwan seperti anjing misalnya, jalan ke sana, ke sini.

Saya teringat ada seorang budak apabila saya berbual-bual dengannya mengenai kemahiran yang perlu dipelajarinya di tempat Boys Home yang saya sebut tadi, dia sentiasa

fikirkan cara-cara hendak melawan pihak atasan, misalnya pihak polis. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling, cerita itu tengah sedap, tetapi nampaknya waktu sudah sampai, jadi Yang Berhormat boleh sambung besok, ya!

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.